



**LAPORAN MENGENAI STATUS HAK
KANAK-KANAK DI MALAYSIA
OLEH
CHILD RIGHTS COALITION MALAYSIA
DISEMBER 2012**

CHILD RIGHTS COALITION MALAYSIA

Pada tarikh laporan ini, Child Rights Coalition Malaysia terdiri daripada organisasi-organisasi bukan kerajaan yang bekerja untuk menghormati dan menegakkan hak kanak-kanak di Malaysia.

Malaysian Child Resource Institute

(Sekretariat Child Rights Coalition)

A-29-3A, Menara UOA Bangsar,

No. 5 Jalan Bangsar Utama 1

59000 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel/Fax: +60 3 2202 1302

Email: info@mcri.org.my

Web: www.mcri.org.my



Childline Malaysia

(A Project of Malaysian Children

TV Programme Foundation)

Lot 2, Jalan Pemberita U1/49,

Temasya Industrial Park, Glenmarie

40150 Shah Alam, Selangor, Malaysia

Tel: + 60 3 5569 2755

Fax: + 60 3 5560 3755

Email: childline@mctf.org.my

Web: www.facebook.com/childline15999

Malaysian Care

15, Jalan 3/146, Metro Centre

Bandar Tasik Selatan,

57000 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel : +60 3 9058 2102

Fax : +60 3 9058 4057

Email: mail@malaysiancare.org

Web: www.malaysiancare.org

National Early Childhood Intervention Council

26 Lorong Canning,

Canning Garden, Ipoh

31400 Perak, Malaysia

Email: enquiries.necic@gmail.com

Web: <http://www.necicmalaysia.org/>

Protect and Save the Children

No 5, Jalan 7/14, Section 7

46050, Petaling Jaya

Selangor, Malaysia

Tel : + 60 3 7957 4344/7956 4355

Fax : +60 3 7957 4322

Email: Protect@psthechildren.org.my

Web: www.psthechildren.org.my

Voice of the Children

29C, Jalan 52/1

46200 Petaling Jaya

Selangor, Malaysia

Tel: +60 3 7960 4776

Fax: +60 3 7960 4778

Email: info@voc.org.my

Web: www.voc.org.my

Yayasan Chow Kit

346 Jalan Tuanku Abdul Rahman,

50100, Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +60 3 2697 0136

Fax: +60 3 2697 0139

Email: admin@yck.org.my

Web: <http://yck.org.my>

© CHILD RIGHTS COALITION MALAYSIA 2012

Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mencetak semula, menerbitkan semula atau menggunakan mana-mana bahagian dan isi kandungan laporan ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sebelum mendapat izin bertulis daripada Child Rights Coalition Malaysia.

Gambar Kulit: Imej daripada Arztsamui/ FreeDigitalPhotos.net (Photo ID: 100111298)

Susun Atur & Reka bentuk: Meera Krishnan - meera.loco@gmail.com

ISBN: 978-967-11788-0-5

Isi Kandungan

Senarai Istilah Utama	2
1. Pengenalan	4
2. Tinjauan Isu-Isu Utama	5
3. Rangka Kerja Kebangsaan bagi Hak Asasi Kanak-Kanak di Malaysia	6
4. Prinsip-Prinsip Am	7
A. Tiada Diskriminasi	7
B. Kepentingan Terbaik Untuk Kanak-Kanak	8
C. Hak untuk Hidup, Kewujudan dan Pembangunan	9
D. Pandangan Kanak-Kanak	10
5. Hak Sivil dan Kebebasan	10
A. Pendaftaran Kelahiran	10
B. Kebebasan Berfikir, Rasa Hati dan Beragama; Kebebasan Bersuara dan Kebebasan Berpersatuan	11
6. Sokongan Keluarga dan Penjagaan Alternatif	12
7. Keganasan, Penderaan, Pengabaian, Penganiayaan dan Eksploitasi	13
8. Kesihatan	17
9. Pendidikan	19
10. Kanak-Kanak Kurang Upaya	21
11. Pelarian, Pencari Suaka dan Kanak-kanak Migran Tanpa Dokumentasi	22
12. Kanak-Kanak Tanpa Kerakyatan	24
13. Kanak-Kanak yang Hidup dalam Kemiskinan	25
14. Kanak-Kanak Pri-bumi	26
15. Kanak-Kanak Jalanan	27
16. Kanak-Kanak LGBTIQ	27
17. Kanak-kanak Dalam Konflik Dengan Undang-undang	28
18. Cadangan Utama	29
A. Cadangan Utama kepada kerajaan Malaysia	29
B. Cadangan Utama kepada Sektor Swasta	34
C. Cadangan Utama kepada NGO	34
D. Cadangan Utama kepada Awam Malaysia	35
19. SUMBER YANG DIRUJUK	36

Senarai Istilah Utama

Akta Kanak-kanak	Akta Kanak-kanak 2001
Asrama Akhlak	Asrama Akhlak adalah salah satu institusi yang ditetapkan untuk pesalah kanak-kanak. Asrama Akhlak di bawah peraturan, pengurusan dan pemeriksaan JKM. Asrama ini kebanyakannya untuk kanak-kanak di reman, tetapi juga untuk kanak-kanak dalam transit ke sekolah yang diluluskan, dan kanak-kanak yang telah dijatuhkan hukuman tahanan selama 12 bulan kerana mereka adalah “di luar kawalan” atau telah melakukan jenayah.
CRC	Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak 1989
CRPD	Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya 2006
ECCE	Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
Kanak-kanak/ orang tanpa dokumen	Mana-mana kanak-kanak atau orang dewasa yang tidak memiliki pendaftaran kelahiran dan/atau sebarang dokumen pengenalan diri.
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
LGBTIQ	Lesbian, gay, biseksual, transgender, intersex dan queer
Migran Tidak Teratur	Sesiapa yang memasuki dan hidup di Malaysia tanpa visa sah, permit atau kebenaran lain oleh pihak berkuasa.
MyKad	Kad Pengenalan wajib bagi rakyat Malaysia yang berumur 12 tahun dan ke atas, dikeluarkan menurut Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Salah satu fungsi utama MyKad adalah bahawa ia berfungsi sebagai bukti kewarganegaraan.
MyKas	Kad pengenalan pemastautin sementara yang dikeluarkan di bawah Peraturan 5 (3) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Kad ini berwarna hijau dan mesti diperbaharui setiap 5 tahun.
Orang Asal	Orang Asli dari Semenanjung Malaysia dan penduduk peribumi di Malaysia Timur (Sabah dan Sarawak).

Pasukan SCAN	Pasukan Penderaan dan Pengabaian Kanak-kanak yang disyaki (Suspected Child Abuse and Neglect Team)
PDRM	Polis Diraja Malaysia
Pelan Tindakan Negara	Pelan Tindakan Negara untuk Kanak-kanak 2009 yang berdasarkan Dasar Kanak-kanak Negara 2009 dan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-kanak Negara 2009 yang berdasarkan Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara 2009.
PWD Akta	Akta Orang Kurang Upaya 2008
Sekolah yang diluluskan	Sekolah yang Diluluskan, yang juga dikenali sebagai Sekolah Tunas Bakti, adalah salah satu institusi yang ditetapkan untuk pesalah kanak-kanak di bawah Akta Kanak-kanak. Sekolah yang diluluskan adalah di bawah peraturan, pengurusan dan pemeriksaan JKM dan adalah untuk pesalah kanak-kanak, kanak-kanak yang 'di luar kawalan', dan sebahagian kecilnya untuk kanak-kanak yang di reman.
SOGI	Orientasi Seksual dan Identiti Jantina (Sexual Orientation and Gender Identity)
UNHCR	Pesuruhanjaya Tinggi PBB bagi Orang Pelarian (United Nations High Commissioner for Refugees)

1. Pengenalan

Laporan ini meringkaskan penemuan utama projek penyelidikan 2010-2012 yang dijalankan oleh Child Rights Coalition Malaysia ('Gabungan') mengenai status semasa kanak-kanak di Malaysia, dengan menggunakan Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak ('CRC') sebagai penanda aras untuk analisis. Laporan ini adalah kali pertama masyarakat sivil menyusun maklumat secara mendalam dan meluas mengenai kanak-kanak di Malaysia, dan kami berharap agar maklumat ini adalah berguna untuk pembuat dasar, pengamal, peguambela dan sesiapa yang mengambil berat tentang kanak-kanak. Laporan ini juga digambarkan sebagai yang pertama dalam satu siri laporan yang disediakan oleh Gabungan, yang dikemaskini setiap tahun mengenai status kanak-kanak di Malaysia.

Walaupun kerajaan akhirnya adalah bertanggungjawab untuk mematuhi CRC, kita semua mempunyai tanggungjawab untuk menghormati dan melindungi hak kanak-kanak. Bagi tujuan ini, Gabungan sedang berusaha untuk berkongsi maklumat dengan semua anggota masyarakat, termasuk profesional yang bekerja dengan kanak-kanak, keluarga, komuniti setempat, pertubuhan antara kerajaan dan bukan kerajaan, ahli masyarakat sivil, dan perniagaan swasta mengenai isu-isu utama yang memberi kesan kepada kanak-kanak. Kami juga telah memasukkan cadangan konstruktif bukan hanya untuk kerajaan Malaysia, tetapi juga bagi pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sektor perniagaan swasta dan orang awam.

Kajian kami mengenai isu utama yang memberi kesan kepada kanak-kanak adalah diikuti dengan ringkasan cabaran utama yang dihadapi khususnya oleh kumpulan kanak-kanak yang terpinggir dan kurang bernasib baik di Malaysia. Kami berhasrat laporan ini untuk menjadi ringkasan status semasa hak kanak-kanak di Malaysia, dengan penekanan khusus pada isu-isu yang dikenal pasti oleh ahli-ahli Gabungan dalam rundingan dengan NGO dan anggota masyarakat sivil yang lain. Satu laporan seperti ini semestinya terhad dalam skop dan tidak bertujuan untuk dilihat sebagai menyeluruh sepenuhnya.

Gabungan ingin mengucapkan terima kasih kepada organisasi dan individu yang mengambil bahagian dalam pengumpulan maklumat, data dan kajian kes untuk laporan ini. Sekali lagi, adalah menjadi harapan kami bahawa laporan ini dan laporan kelak oleh Gabungan akan digunakan di seluruh Malaysia dan rantau ini untuk melindungi dan menyokong hak kanak-kanak. Kami mengalu-alukan maklum balas dan data anda untuk mengukuhkan edisi kelak dan mengembangkan pengetahuan mengenai hak kanak-kanak di Malaysia. Akhirnya, kami juga ingin mengucapkan terima kasih khasnya kepada UNICEF Malaysia atas sokongan mereka dalam inisiatif ini.

“Ukuran sebenar sesebuah negara adalah bagaimana ia menjaga kanak-kanaknya — kesihatan, keselamatan, dan keselamatan asas mereka, pendidikan dan sosialisasi mereka, dan cara mereka rasa disayangi, dihargai, dan disertakan ke dalam keluarga dan masyarakat dimana mereka dilahirkan”

- UNICEF, Kad Laporan Innocenti 7, 2007

2. Tinjauan Isu-Isu Utama

Hak kanak-kanak di Malaysia telah berkembang dengan ketara sejak Malaysia bersetuju mengikuti CRC pada tahun 1995 dan memperkenalkan Akta Kanak-kanak pada tahun 2001. Banyak inisiatif untuk menyedari dan menegakkan hak-hak kanak-kanak telah dimajukan oleh kerajaan dan masyarakat sivil. Kemajuan yang besar telah, sebagai contoh, dicapai dalam bidang pendidikan dan penjagaan kesihatan asas untuk kanak-kanak. Walaubagaimanapun, beberapa cabaran utama masih kekal untuk kanak-kanak. Gabungan telah mengenal pasti isu-isu berikut sebagai membimbangkan:

- **Kumpulan kanak-kanak yang terpinggir dan tercacir**, terutamanya kanak-kanak masyarakat peribumi dan minoriti, kanak-kanak kurang upaya, pelarian dan pencari suaka, masyarakat migran yang tidak teratur, kanak-kanak tanpa kerakyatan dan dokumen; kanak-kanak golongan miskin dari bandar dan luar bandar, dan kanak-kanak LGBTIQ boleh menghadapi sekatan terhadap keupayaan mereka untuk mengakses pendidikan, penjagaan kesihatan, pendaftaran kelahiran dan / atau perkhidmatan perlindungan kanak-kanak. Diskriminasi yang dihadapi oleh kumpulan-kumpulan kanak-kanak yang terpinggir di Malaysia adalah amat membimbangkan.
- **Keganasan, pengabaian, penderaan dan penganiayaan kanak-kanak.** Sebilangan besar kes-kes keganasan terhadap kanak-kanak tidak dilaporkan setiap tahun, mengakibatkan kecederaan serius dan kematian kepada kanak-kanak yang sepatutnya boleh dihalang. Sebahagian besarnya punca laporan tentang keganasan kurang atau tidak dibuat adalah hakikat bahawa penderaan kanak-kanak, terutamanya penderaan seksual, terus menjadi subjek yang pantang dalam masyarakat kita. Jurang dalam pelaksanaan mekanisme perlindungan, terutamanya bagi kanak-kanak daripada kumpulan yang terpinggir dan kurang bernasib baik, masih menjadi satu kebimbangan.
- **Hukuman Korporal.** Amalan ini dibenarkan di bawah undang-undang dalam sistem keadilan juvana dan di sekolah-sekolah, dan dipercayai diamalkan secara meluas dalam keluarga di Malaysia. Malaysia masih belum menarik balik tempahan terhadap Perkara 37 CRC mengenai penyeksaan dan hukuman kejam atau yang tidak berperikemanusiaan.
- **Kekurangan pemantauan dan laporan yang sistematik dan telus mengenai hak kanak-kanak.** Maklumat dan data daripada sumber kerajaan dan masyarakat sivil mengenai isu-isu yang memberi kesan kepada kanak-kanak, terutamanya kanak-kanak daripada golongan yang kurang bernasib baik dan yang terpinggir, kurang didapati. Secara amnya, terdapat kekurangan ketelusan dalam data daripada kerajaan; yang sering tidak disediakan untuk makluman awam dan / atau biasanya tidak dipecahkan dengan cukup untuk digunakan. Hanya beberapa NGO seolah-olahnya dapat mendokumentasikan secara sistematik contoh-contoh pelanggaran hak kanak-kanak.

Pada tahap yang lebih luas, adalah jelas bahawa perlu ada **penerimaan kanak-kanak sebagai manusia yang berhak sepenuhnya kepada hak-hak mereka**, dan bukan semata-matanya sebagai 'objek kebimbangan'. Perubahan dalam minda perlu berlaku di kalangan pembuat dasar dan anggota masyarakat sivil. Walaupun terdapat pengecualian yang ketara, masih belum menjadi satu anjakan yang serius daripada polisi dan program yang berasaskan keperluan kepada polisi dan program yang berasaskan hak untuk kanak-kanak di Malaysia. Pendekatan kepada kanak-kanak secara umumnya adalah paternalistik dan pandangan mereka secara amnya tidak diminta atau dipandang berat dalam keputusan yang memberi kesan kepada mereka.

3. Rangka Kerja Kebangsaan bagi Hak Asasi Kanak-Kanak di Malaysia

Kerajaan Malaysia telah menarik balik beberapa tempahan awal terhadap CRC. Pada tahun 2010, kerajaan mengeluarkan tempahan untuk Perkara 1 (menentukan umur kanak-kanak), Perkara 13 (mengenai kebebasan bersuara) dan Perkara 15 (mengenai kebebasan berhimpun dan penyertaan). Pada tahun 2011, kerajaan juga telah menandatangani dua Protokol Pilihan kepada CRC, iaitu Protokol Pilihan mengenai penjualan kanak-kanak, pelacuran kanak-kanak dan pornografi kanak-kanak, dan Protokol Pilihan mengenai penglibatan kanak-kanak dalam konflik bersenjata.

Pada tahun 2009, kerajaan memperkenalkan dan memodelkan Dasar Kanak-Kanak Negara / Dasar Kebangsaan untuk Kanak-kanak dan Pelan Tindakannya berdasarkan Prinsip-prinsip Am CRC (lihat **Prinsip-prinsip Am** di bawah). Dalam tahun yang sama, Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara dan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Perlindungan Kanak-kanak juga telah diperkenalkan, dengan khususnya memberi tumpuan kepada peningkatan kesedaran dan itizam untuk perlindungan kanak-kanak. Kedua-dua Pelan Tindakan Kebangsaan mengambil nada pencegahan, memberi tumpuan kepada meningkatkan program untuk masyarakat berisiko tinggi serta menggalakkan perkongsian pintar antara semua lapisan masyarakat untuk meningkatkan kesedaran tentang perlindungan hak kanak-kanak.

Walaupun langkah-langkah ini membanggakan, masih terdapat jurang yang perlu diisi. Walaupun tempahan untuk Perkara 1 telah dikeluarkan, **ketidakseragaman dalam takrif kanak-kanak di bawah undang-undang negara masih kekal**, dengan pelbagai definisi bercanggah tentang kanak-kanak di bawah kedua-dua undang-undang sivil dan Syariah. Hanya sedikit telah dilakukan untuk menyedari niat praktikal Perkara 13 dan 15 CRC, dan dasar-dasar dan realiti masih tidak berubah (lihat **Kebebasan Bersuara dan Kebebasan Berhimpun Secara Aman** di bawah). Kerajaan juga telah **mengekalkan tempahan terhadap 5 Perkara teras CRC**, iaitu Perkara 2 (mengenai tiada diskriminasi), Perkara 7 (mengenai pendaftaran kelahiran, hak kepada nama dan kewarganegaraan), Perkara 14 (mengenai kebebasan berfikir, rasa hati dan beragama); Perkara 28 (1) (a) (mengenai pendidikan rendah yang wajib dan percuma untuk semua); dan Perkara 37 (mengenai seksaan dan layanan lain yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau layanan dan hukuman yang menjatuhkan maruah dan kesekatan kebebasan yang sewenang-wenangnya atau yang menyalahi undang-undang).

Beberapa aspek undang-undang negara terus menjadi tidak serasi dengan CRC, termasuk perkara-perkara yang kerajaan Malaysia tidak membuat sebarang tempahan. Satu contoh yang ketara adalah kekurangan perlindungan perundangan atau pentadbiran untuk kanak-kanak pelarian dan pencari suaka. Pada tahun 2009, kerajaan telah menyatakan hasratnya untuk mengkaji semula dan meminda bidang undang-undang negara yang tidak serasi dengan CRC.¹ Walau bagaimanapun, setakat tahun 2012, pindaan-pindaan masih belum dikemukakan.

Mekanisme **pelaksanaan, pemantauan dan penilaian, dan susulan** bagi Pelan Tindakan Kebangsaan perlu diperkukuhkan. Hanya beberapa NGO yang berunding dengan Gabungan sepanjang tempoh penyelidikan dua tahun pernah dengar mengenai Pelan Tindakan Kebangsaan, dan ini menunjukkan bahawa banyak kerja yang perlu dilakukan untuk memperbaiki **komunikasi dan kerjasama** antara agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan masyarakat sivil yang bekerja untuk isu-isu kanak-kanak. Malah, penyelarasan merentasi sektor dan komunikasi antara agensi-agensi kerajaan juga perlu diperkukuhkan. JKM, di bawah bidang kuasa KPWKM ditugaskan untuk menyelaras dengan agensi-agensi yang bekerja untuk pembangunan, perlindungan dan kebajikan kanak-kanak. Walaupun penyelarasan antara agensi-agensi kerajaan adalah dimandatkan oleh seksyen 3 dan 7 Akta Kanak-kanak, penyelarasan antara badan-badan dan institusi masih kurang memuaskan, kerana kekurangan proses penyelarasan yang rasmi, peranan dan tanggungjawab yang ditakrifkan secara jelas, dan kebertanggungjawaban di kalangan agensi.²

Terdapat juga kekurangan umum dalam **pemantauan dan laporan yang sistematik dan telus mengenai hak kanak-kanak** di Malaysia. Terdapat pelbagai kekurangan ketelusan mengenai data yang dikumpul oleh kerajaan, yang membuatnya sukar untuk menilai dengan tepat dan sepenuhnya keadaan hak kanak-kanak. Data sering tidak diuraikan secukupnya untuk menjadi berguna; metodologi berbeza menyebabkan kajian tidak boleh

dibandingkan; dan data yang berkaitan dengan isu-isu yang dianggap sensitif, seperti penderaan seksual kanak-kanak, sering tidak disediakan secara amnya dan / atau dikelaskan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Gabungan juga telah memerhatikan bahawa majoriti NGO yang bekerja mengenai isu hak kanak-kanak tidak memantau secara sistematik, status kanak-kanak dalam komuniti atau bidang-bidang yang mereka bekerja, dan dokumentasi mengenai pencabulan hak asasi kanak-kanak secara amnya adalah kekurangan. Kedua-dua agensi kerajaan dan NGO juga perlu melakukan lebih untuk memantau dan menilai keberkesanan program yang memberi manfaat kepada kanak-kanak.

Kedua-dua dasar dan program-program kerajaan dan bukan kerajaan di Malaysia masih amat **berasaskan keperluan**. Ini mungkin berpunca daripada kekurangan kesedaran umum tentang CRC. Dalam penyelidikan, Gabungan mendapati bahawa banyak kumpulan-kumpulan profesional yang bekerja dengan kanak-kanak memiliki hanya sedikit pengetahuan asas tentang CRC dan peruntukannya. Jika kumpulan yang bekerja dengan kanak-kanak tidak memahami implikasi CRC dan fokus yang berasaskan hak, ia adalah kurang berkemungkinan bahawa hak-hak yang dinyatakan dalam CRC akan disadari untuk kebanyakan kanak-kanak. Terdapat keperluan mendesak untuk menangani jurang ini, dan untuk memastikan perkhidmatan dan usaha-usaha advokasi memastikan bahawa kanak-kanak boleh **mengakses dan menuntut hak-hak mereka**.

4. Prinsip-Prinsip Am

Prinsip-Prinsip Am adalah empat hak asasi yang memainkan peranan yang penting untuk pelaksanaan berkesan bagi semua hak-hak yang terkandung dalam CRC. Mereka harus diingati pada setiap masa

- **Perkara 2: Tiada Diskriminasi** (kanak-kanak harus menikmati hak-hak mereka tanpa sebarang bentuk diskriminasi, tanpa mengira jantina, bangsa, bahasa, agama, kurang upaya, kewarganegaraan, asal-usul etnik atau sosial, dan lain-lain.)
- **Perkara 3: Kepentingan terbaik** setiap kanak-kanak harus menjadi pertimbangan utama dalam semua keputusan dan tindakan yang memberi kesan kepada kanak-kanak (dan bukannya kepentingan kemudahan atau kepentingan terbaik orang dewasa)
- **Perkara 6: Hak untuk kehidupan, kewujudan dan pembangunan**
- **Perkara 12: Menghormati pendapat kanak-kanak** - hak kanak-kanak untuk meluahkan dan membolehkan pandangan mereka didengar, serta mengambil bahagian dalam membuat keputusan dan aktiviti-aktiviti yang memberi kesan kepada kehidupan mereka, bergantung kepada usia dan tahap kematangan

A. Tiada Diskriminasi

Prinsip tiada diskriminasi dalam CRC menentukan bahawa semua hak yang dijamin oleh CRC perlu diiktiraf bagi SEMUA kanak-kanak dalam bidang kuasa kerajaan.

Walaupun terdapat pelbagai kempen yang mempromosikan perpaduan nasional, beberapa kumpulan kanak-kanak yang terpinggir dan kurang bernasib baik terus mengalami diskriminasi yang berterusan. Jenis dan bentuk diskriminasi yang dialami oleh kumpulan kanak-kanak ini adalah diringkaskan di bawah dan dibincangkan dengan lebih lanjut sepanjang laporan ini.

- **Kanak-Kanak Orang Asal** menghadapi diskriminasi secara sistematik dan dalam pelbagai bentuk. Pembahagian tanah adat mereka dan penempatan semula secara paksa telah melemahkan hak tanah mereka yang dijamin di bawah perlembagaan dan identiti budaya mereka.

- Perlembagaan Persekutuan tidak melarang diskriminasi berdasarkan kekurangan upaya fizikal atau mental, dan **kanak-kanak kurang upaya** terus menghadapi kesukaran dalam mengakses pendidikan disebabkan kekurangan kemudahan, program, dan kakitangan terlatih, serta sikap diskriminasi yang mengangap pendidikan sebagai tidak perlu atau tidak praktikal untuk kanak-kanak tersebut.
- Walaupun Perlembagaan Persekutuan melarang diskriminasi atas alasan jantina, ini telah ditafsirkan secara sempit **untuk mengecualikan diskriminasi atas dasar SOGI**. Kerajaan telah menyatakan beberapa kali bahawa Perkara 8 (2) Perlembagaan Persekutuan tidak melindungi orang **LGBTIQ** daripada diskriminasi.³ Kanak-kanak LGBTIQ di sekolah-sekolah Malaysia telah tertakluk kepada diskriminasi dan hukuman sebat berdasarkan SOGI mereka.
- **Kanak-kanak pelarian, pencari suaka, yang tidak berwarganegara dan migran yang tidak teratur** menghadapi pelbagai bentuk diskriminasi yang berpunca sebahagian besarnya daripada status undang-undang mereka yang tidak menentu di Malaysia. Mereka mempunyai akses terhadap penjagaan kesihatan dan pendidikan, dan boleh terdedah kepada penderaan, eksploitasi dan pelanggaran hak asasi manusia mereka yang lain.
- **Kanak-kanak yang menghidapi HIV / AIDS** juga menghadapi kesukaran dalam mengakses pendidikan dan penjagaan yang berkesan dan perkhidmatan sokongan yang memenuhi keperluan khusus mereka. Ini berpunca sebahagian besar daripada stigma sosial yang dikaitkan dengan HIV / AIDS.
- **Kanak-kanak golongan miskin dari bandar dan luar bandar** terus menghadapi diskriminasi dan pengecualian disebabkan oleh status sosio-ekonomi mereka. Sebagai contoh, ramai kanak-kanak hidup dalam keadaan yang amat buruk dan menghadapi kesukaran mendapatkan dokumen pengenalan, yang menyekat akses mereka kepada sistem pendidikan, penjagaan kesihatan, dan perlindungan.
- Diskriminasi terhadap **kanak-kanak perempuan** juga kekal menjadi satu isu, dengan perkahwinan kanak-kanak secara tidak seimbang menjejaskan kanak-kanak perempuan. Umur minimum undang-undang untuk berkahwin adalah ditetapkan lebih rendah untuk kanak-kanak perempuan daripada lelaki.⁴
- Diskriminasi terhadap **kanak-kanak Islam yang dilahirkan di luar nikah** kekal menjadi satu masalah besar. Kanak-kanak yang dilahirkan kepada ibu bapa yang beragama Islam dalam tempoh enam bulan dari tarikh perkahwinan ibu bapa mereka adalah dianggap sebagai lahir di luar nikah. Bagi kanak-kanak ini, JPN memasukkan "bin / binti Abdullah" di tempat nama bapa. Tindakan ini boleh mengakibatkan kesan yang meluas kerana kanak-kanak dilabel secara umum sebagai "tidak sah" menurut nama keluarga mereka. Masa depan kanak-kanak dan kesejahteraan emosi dan fizikalnya akan terjejas bukan sahaja kerana stigma sosial "tidak sah" tetapi juga kerana kehilangan pewarisan, pembayaran nafkah, dan hak penjagaan kepada bapa di bawah undang-undang Syariah.

B. Kepentingan Terbaik Kanak-Kanak

Perkara 3(1) CRC memperuntukkan bahawa kepentingan terbaik kanak-kanak hendaklah menjadi pertimbangan utama dalam segala tindakan berkenaan dengan kanak-kanak, sama ada yang dijalankan oleh badan-badan awam atau swasta. Mana-mana tafsiran kepentingan terbaik mestilah selaras dengan semangat keseluruhan CRC, khususnya Prinsip-prinsip Am CRC, dan penekanan ke atas kanak-kanak sebagai individu yang mempunyai hak-hak atau pandangan sendiri. Negeri tidak boleh mentafsirkan kepentingan terbaik dalam cara yang terlalu budaya relativis dan tidak boleh menggunakan tafsiran "kepentingan terbaik" mereka sendiri untuk menafikan hak-hak yang dijamin untuk kanak-kanak oleh CRC.

Prinsip bahawa pertimbangan utama perlu diberikan kepada kepentingan terbaik kanak-kanak tidak dilaksanakan secara konsisten dan bersepadu di dalam undang-undang, dasar-dasar dan program-program kerajaan, dan dalam pentadbiran dan keputusan kehakiman. Walaupun Akta Kanak-kanak mengandungi peruntukan yang menghendaki kepentingan terbaik kanak-kanak menjadi satu pertimbangan yang paling utama, terdapat bimbingan terhad dalam Akta atau dalam Dasar Perlindungan Kanak-kanak Kebangsaan 2009 mengenai prinsip-prinsip dan syarat-syarat yang perlu dilaksanakan apabila menilai kepentingan terbaik kanak-kanak.

Secara umumnya, terdapat kurang penekanan dalam mengingati secara sistematik cara hak dan kepentingan kanak-kanak telah atau akan dijejaskan oleh keputusan dan tindakan yang diambil oleh kedua-dua badan awam dan swasta. Terdapat sedikit bukti yang menyatakan bahawa pihak berkuasa mengambil kepentingan terbaik kanak-kanak itu ke dalam pertimbangan dalam keputusan yang melibatkan kanak-kanak pelarian, pencari suaka, migran yang tidak teratur, kanak-kanak tanpa kerakyatan, dan kanak-kanak tanpa dokumen.

C. Hak untuk Kehidupan, Kewujudan dan Pembangunan

Walaupun tidak ada hukuman mati terhadap pesalah kanak-kanak sejak tahun 1990, undang-undang yang membenarkan **hukuman mati** dikenakan ke atas kanak-kanak kekal dalam kuasa kerana kerajaan belum meminda Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975. Tiada tempoh maksimum pemenjaraan bagi pesalah kanak-kanak, dan kanak-kanak boleh tertakluk kepada **hukuman penjara seumur hidup / penjara tidak terhingga** di perkenan Yang Di-Pertuan Agong, Raja atau Yang di-Pertua Negeri, bergantung kepada tempat kesalahan tersebut dilakukan.

Kematian jalan raya dan kecederaan di kalangan kanak-kanak kekal menjadi punca utama kemasukan kanak-kanak ke hospital kerajaan, kebanyakannya disebabkan oleh amalan keselamatan jalan raya yang kurang baik.⁶ Dari tahun 2002 hingga 2008, secara purata, 830 kanak-kanak meninggal dunia setiap tahun akibat kemalangan jalan raya, dengan bilangan kematian meningkat setiap tahun.⁷ **Kematian akibat daripada lemas** juga kekal membimbangkan, dengan antara 250-300 kematian kanak-kanak yang dilaporkan setiap tahun dari tahun 2000 hingga 2007 kerana lemas, dan secara purata, 200 kanak-kanak yang lemas tetapi terselamat setiap tahun.⁸

Ancaman lain kepada hak kanak-kanak untuk kehidupan, kewujudan dan pembangunan termasuk kecenderungan kumpulan kanak-kanak yang terpinggir dan yang kurang bernasib baik (termasuk kanak-kanak yang hidup dalam kemiskinan, kanak-kanak di kawasan luar bandar dan pedalaman, kanak-kanak masyarakat peribumi, dan kanak-kanak pelarian, pencari suaka, migran yang tidak teratur dan komuniti tanpa kerakyatan) kepada penyakit-penyakit seperti **batuk kering dan malaria**, yang seterusnya menyumbang kepada **kadar kematian bayi dan kanak-kanak yang lebih tinggi** di kalangan masyarakat masing-masing. Malnutrisi juga telah menjadi faktor penyumbang di kalangan kumpulan kanak-kanak ini. Untuk maklumat lanjut, lihat Kesihatan di bawah.

Perkahwinan awal, satu isu yang memberi kesan tidak seimbang kepada kanak-kanak perempuan, juga mengancam hak kedua-dua ibu dan anaknya untuk hidup, wujud dan membangun. Walaupun data mengenai kesan keibuan awal ke atas gadis-gadis di Malaysia tidak boleh didapati secara umum, ia diiktiraf bahawa menjadi ibu pada usia yang sangat muda boleh mengakibatkan komplikasi semasa mengandung dan bersalin, dan mengakibatkan risiko kematian ibu muda yang lebih tinggi. Kanak-kanak kepada ibu-ibu muda ini juga berisiko tinggi dalam tahap morbiditi dan kematian.

Data yang boleh didapati secara umum mengenai perkahwinan kanak-kanak di Malaysia adalah terhad. Pada tahun 2009, 32 kanak-kanak perempuan di bawah umur 10 tahun telah menjalani ujian HIV pra-perkahwinan. Tiada kanak-kanak lelaki dalam kumpulan umur tersebut telah diuji. Dalam kumpulan umur berusia 10-14 tahun, 2 lelaki dan 445 perempuan telah diuji. Dalam kumpulan yang berusia 15-19 tahun, 1,911 lelaki dan 6,815 perempuan telah diuji. Semua umat Islam Malaysia yang berhasrat untuk berkahwin dikehendaki mengambil ujian HIV pra-perkahwinan; walaupun bukan bukti yang kukuh, namun ia adalah petunjuk kelaziman perkahwinan kanak-kanak Islam.

Sumber: UNGASS Laporan Kemajuan Negara Malaysia, 2010

Isu semasa **pembuangan bayi** (dibincangkan dengan lebih lanjut dalam **sokongan keluarga** di bawah) adalah satu lagi masalah yang memberi kesan yang buruk kepada hak kanak-kanak untuk hidup, wujud dan membangun. Penggunaan kontraseptif yang rendah, akses yang terhad kepada pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif dan hakikat bahawa seks di luar perkahwinan adalah menyalahi undang-undang di bawah undang-undang Syariah adalah faktor-faktor yang telah menyebabkan ibu bapa, terutamanya remaja, meninggalkan bayi-bayi mereka.⁹ Bagi enam bulan pertama tahun 2012 sahaja, 31 bayi yang ditinggalkan telah ditemui dengan 10 bayi adalah terselamat.¹⁰ Adalah dipercayai bahawa statistik ini menunjukkan hanya sebahagian kecil daripada masalah tersebut, kerana bukan semua bayi yang dibuang telah ditemui. Setelah dibuang, bayi adalah berisiko tinggi **ketiadaan kewarganegaraan** (lihat **Kanak-kanak Tanpa Kerakyatan** di bawah).

D. Pandangan Kanak-kanak

Dalam kebanyakan kes, hanya kanak-kanak sendiri di dalam kedudukan untuk menunjukkan sama ada hak-hak mereka sedang diiktiraf dan direalisasikan dengan sepenuhnya.

Ia masih tidak diterima secara meluas di Malaysia bahawa kanak-kanak mempunyai hak untuk menyuarakan pendapat mereka dalam isu-isu yang memberi kesan kepada mereka, dan bahawa mereka boleh melaksanakan hak ini. Terdapat kekurangan peruntukan berkanun yang ketara, termasuk dalam Akta Kanak-kanak, yang mandat penyertaan kanak-kanak dalam membuat keputusan. Sama ada atau tidak pandangan kanak-kanak diambil ke dalam pertimbangan oleh mahkamah adalah sangat bergantung kepada budi bicara hakim individu.

Walaupun Pelan Tindakan Kebangsaan untuk Kanak-kanak 2009 mengandungi peruntukan untuk meningkatkan penyertaan kanak-kanak, dalam amalan, sedikit telah dilakukan secara rasmi untuk menggalakkan penyertaan kanak-kanak. Ini mungkin berpunca besar daripada pandangan kanak-kanak bukan sebagai pemegang hak-hak keindividuan, tetapi sebagai 'objek kebimbangan' (lihat **Tinjauan Isu-isu Utama** dan **Rangka Kerja Kebangsaan bagi Hak Asasi Kanak-kanak di Malaysia** di atas).

5. Hak Sivil dan Kebebasan

A. Pendaftaran Kelahiran

Terdapat kemajuan yang ketara dalam peningkatan akses kepada pendaftaran kelahiran bagi kanak-kanak di Malaysia. Walau bagaimanapun, kanak-kanak, terutamanya mereka dari **masyarakat peribumi dan minoriti, pelarian, pencari suaka, migran tidak teratur, dan dari masyarakat bandar dan luar bandar yang miskin**, terus menghadapi kesukaran dalam mendapatkan sijil kelahiran. Ini boleh memberi kesan yang meluas -tanpa sijil kelahiran, kanak-kanak boleh dinafikan akses kepada pendidikan, kesihatan, dan perkhidmatan sosial asas yang lain. Bagi kanak-kanak di Malaysia, ketiadaan sijil kelahiran juga boleh memberi kesan kepada keupayaan untuk memohon MyKad mereka apabila mereka mencapai umur 12 tahun.

Malaysia tidak mempunyai sistem pendaftaran kelahiran yang percuma pada semua peringkat, dan di samping kos, keluarga-keluarga telah melaporkan kesukaran dalam mengemudi birokrasi dan keperluan yang terlampau tegas dalam pendaftaran. Ini terutamanya dalam **kes pendaftaran kelahiran 'lewat'**, iaitu, pendaftaran yang dibuat selepas 42 hari daripada tarikh kelahiran. Dalam kes seperti ini, mereka yang tidak dapat memenuhi keperluan keterangan yang dikenakan oleh JPN boleh menghadapi masalah dan kelewatan yang panjang dalam permohonan mereka untuk sijil kelahiran. Ini diburukkan lagi oleh hakikat bahawa syarat-syarat dan prosedur-prosedur adalah berbeza antara pejabat-pejabat JPN yang berlainan. Kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa yang tidak ada dokumen, yang telah meninggal dunia atau yang tidak dapat dikesan, juga menghadapi masalah yang ketara dalam penyediaan dokumen sokongan yang dikehendaki oleh JPN (lihat **Kanak-kanak Tanpa Kerakyatan** di bawah untuk maklumat lanjut).

Jarak dan kos perjalanan ke pejabat JPN, kekurangan kesedaran pentingnya prosedur untuk pendaftaran kelahiran, dan perkahwinan ibu bapa yang tidak didaftarkan adalah beberapa faktor utama yang dikenal pasti sebagai alasan untuk pendaftaran lewat atau tidak mendaftar kelahiran langsung. Ini adalah masalah yang khususnya menjejaskan **kanak-kanak dari masyarakat miskin dan peribumi yang tinggal di lokasi yang jauh, terutamanya di Sabah dan Sarawak**. Wakil masyarakat peribumi di Sarawak dan Sabah telah menyatakan bahawa pendaftaran kelahiran bergerak didapati, tetapi liputan adalah terhad dan proses untuk mendapatkan sijil kelahiran dalam kes pendaftaran kelahiran lewat adalah sangat perlahan. Masyarakat peribumi di Sabah dan Sarawak juga telah melaporkan bahawa pegawai-pegawai JPN telah kadang-kadang enggan mengiktiraf perkahwinan yang didaftarkan dengan mahkamah anak negeri di Sabah dan Sarawak; ini telah menyebabkan kanak-kanak tidak diberikan sijil kelahiran tepat pada masanya (atau secara langsung), atau nama bapa ditinggalkan daripada sijil kelahiran.

Ibu bapa pelarian dan pencari suaka di Semenanjung Malaysia pada dasarnya boleh memohon untuk mendapatkan sijil kelahiran untuk bayi mereka, tetapi telah melaporkan masalah apabila pegawai JPN mendesak ibu bapa menghasilkan kad pelarian UNHCR sebelum mengeluarkan sijil kelahiran (sesuatu yang pencari suaka tidak dapat menghasilkan). Tambahan pula, **perasaan takut ditangkap dan ditahan** kerana tidak teratur serta **sekatan ke atas keupayaan migran untuk berkahwin** bermakna sesetengah ibu pelarian dan migran tidak memohon sijil kelahiran bagi anak-anak mereka. Mereka juga memilih untuk bersalin di rumah kerana membimbangkan keselamatan mereka atau ketidakupayaan untuk membayar bayaran hospital yang dikenakan oleh hospital. Dalam kes-kes sebegini, keupayaan kanak-kanak untuk mengakses pendaftaran kelahiran adalah terjejas secara ketara kerana JPN biasanya memerlukan borang pengesahan kelahiran untuk dihasilkan sebelum mengeluarkan sijil kelahiran (walaupun ibu bapa dapat menghasilkan saksi kepada kelahiran). Gabungan juga telah menerima laporan daripada ahli-ahli masyarakat migran yang tidak teratur tentang hospital yang memegang borang pengesahan kelahiran jika yuran persalinan tidak dibayar sepenuhnya.

B. Kebebasan Berfikir, Rasa Hati dan Beragama; Kebebasan Bersuara dan Kebebasan Berpersatuan

Walaupun Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa “setiap orang mempunyai hak untuk menganuti dan mengamalkan agamanya”, hak ini adalah terhad kepada orang dewasa. Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, seseorang di bawah umur 18 tahun memerlukan kebenaran yang jelas daripada penjaja beliau sebelum memeluk agama lain.

Sesetengah masyarakat peribumi telah melaporkan “tekanan melampau” untuk memeluk agama Islam, dan ini adalah pelanggaran **Perkara 12 Deklarasi PBB tentang Hak-hak Masyarakat Peribumi** yang jelas. Mereka berpendapatan bahawa kanak-kanak mereka adalah tertakluk kepada ‘dasar Islamisasi yang tidak bertulis’ (unwritten Islamization policy) dan percubaan untuk menyerap mereka ke dalam kumpulan etnik Melayu yang dominan. Sebagai contoh, wakil-wakil masyarakat peribumi telah melaporkan bahawa apabila mereka memohon MyKad, agama kanak-kanak dalam komuniti mereka kadang-kadang disenaraikan secara automatik sebagai Islam kerana terdapat ‘bin’ atau ‘binti’ dalam nama mereka, walaupun mereka bukannya beragama Islam.¹¹ Kanak-kanak peribumi yang bukan Islam juga menghadapi tekanan untuk mengamalkan tingkah laku seperti doa (solat) sebelum makan di sekolah. Untuk maklumat lanjut mengenai cabaran yang dihadapi oleh kanak-kanak peribumi, lihat **Kanak-kanak Peribumi** di bawah.

Malaysia telah mengeluarkan tempahan untuk Perkara-perkara 13 dan 15 CRC mengenai kebebasan bersuara dan kebebasan berhimpun secara aman, tetapi kesannya belum dirasai. Sebaliknya, undang-undang, dasar-dasar dan tindakan-tindakan anggota penguatkuasaan undang-undang terus menyekat keupayaan kanak-kanak untuk melaksanakan hak-hak ini. **Akta Perhimpunan Aman 2012** adalah salah satu contoh terbaru -menurut seksyen 4 Akta tersebut, seseorang di bawah umur 21 tahun adalah dilarang daripada menganjurkan perhimpunan aman, dan kanak-kanak (yang ditakrifkan dalam Akta sebagai orang yang di bawah umur 15 tahun) adalah dilarang daripada menyertai perhimpunan aman dengan pengecualian tertentu. Kanak-kanak yang didapati melanggar peruntukan-peruntukan ini boleh didenda sehingga RM 10,000.

6. Sokongan Keluarga dan Penjagaan

Sokongan Keluarga: Apabila keluarga tidak mampu untuk menyediakan penjagaan dan perlindungan yang mencukupi untuk anak-anak mereka, mereka perlu disokong dengan bantuan yang sesuai yang boleh membantui mereka melalui masa yang sukar, termasuk sokongan kaunseling yang tidak diskriminasi dan tidak menghukum. Walaupun Malaysia telah mencatat keuntungan ekonomi yang ketara, dan kerajaan sedang berusaha untuk mengurangkan jurang pendapatan, keperluan untuk bantuan sokongan keluarga masih amat diperlukan, terutamanya di kalangan masyarakat yang terpinggir dan isi rumah ibu tunggal. JKM menguruskan pelbagai program kecil, kebanyakannya pemindahan wang tunai yang dianugerahkan melalui ujian pendapatan asas berdasarkan pendaftaran dan lawatan ke rumah oleh pekerja-pekerja sosial. Bantuan bukan tunai, seperti pendidikan keibubapaan dan kaunseling, boleh didapati walaupun terhad dan tidak dikenali secara umum. Kempen kesedaran awam khususnya mengenai amalan keibubapaan yang positif telah dijalankan tetapi liputan dan keberkesanan kempen ini perlu dinilai secara rasmi. Satu kebimbangan berkaitan adalah isu **pembuangan bayi**, satu isu yang telah mendapat perhatian media yang meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Pelbagai faktor yang boleh membawa kepada ibu bapa membuang bayi mereka, termasuk ibu bapa remaja yang tidak bersedia untuk menjadi ibu bapa dan wanita Islam yang melahirkan anak di luar nikah, yang memungkinkan wanita itu akan menerima hukuman sebat kerana ia adalah salah di bawah undang-undang Syariah. Pelbagai penyelesaian telah dicadangkan, daripada hukuman yang lebih berat kepada pusat aktiviti remaja baru dan tempat bayi dapat ditinggalkan dengan selamat dan tanpa dinamai. Walau bagaimanapun, data tidak disediakan untuk menunjukkan keberkesanan mana-mana kaedah ini, dan dasar yang menyeluruh untuk menangani isu ini masih belum dibuat.

Penjagaan Alternatif dan Institusi: Ibu bapa boleh meletakkan anak-anak mereka ke dalam jagaan atas banyak sebab, termasuk masalah kewangan, konflik keluarga, dan masalah disiplin. Sistem penjagaan alternatif adalah campur aduk kemudahan kerajaan dan swasta. Kemudahan kerajaan termasuk rumah untuk kanak-kanak yang didera, dibuang atau yang miskin; kanak-kanak di bawah percubaan sementara oleh mahkamah; kanak-kanak yang melakukan jenayah tetapi tidak dihukum penjara; gadis remaja yang terlibat dalam aktiviti tidak bermoral; dan kanak-kanak kurang upaya. Kemudahan swasta kebanyakannya menjaga kanak-kanak yang didera, diabaikan, atau ditinggalkan; anak-anak yatim; dan kanak-kanak kurang upaya, dan kebanyakannya berasaskan iman. Tiada ulasan telah dilakukan untuk menilai **keberkesanan dan keselamatan** rumah-rumah penjagaan alternatif, termasuk institusi kerajaan. Pendaftaran dan pengawalan penjagaan alternatif swasta adalah tidak sekata, dan meninggalkan kanak-kanak berhadapan risiko di kemudahan yang berkemungkinan besar tidak selamat.

Kanak-kanak yang dilihat sebagai mempunyai masalah tingkah laku dianggap sebagai **'kanak-kanak di luar kawalan'** dan boleh dihukum penjara oleh mahkamah ke STB atau Asrama Akhlak, atau ibu bapa boleh mendapatkan perintah mahkamah untuk penempatan di institusi-institusi tersebut. Peruntukan-peruntukan ini adalah dilaporkan sebagai biasa digunakan terhadap kanak-kanak yang melakukan kesalahan status seperti melarikan diri dari rumah, melibatkan diri dalam tingkah laku seksual, melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah, tidak menghormati ibu bapa, dan/atau penglibatan dalam lumba motosikal (Mat Rempit). Penamaan ini digunakan sebagai hukuman oleh ibu bapa kepada remaja perempuan yang hamil dan tidak berkahwin. Perempuan, lebih daripada lelaki, disasarkan di bawah peruntukan 'kanak-kanak di luar kawalan' kerana hukuman ini dilihat sebagai keperluan untuk mengawal seksualiti dan tingkah laku mereka. Walaupun tidak dikelaskan sebagai pesalah, kanak-kanak ini adalah tertakluk kepada layanan yang sama seperti kanak-kanak yang melakukan jenayah.

Selebihnya, juga terdapat jurang dan ketidakseragaman lain dalam sistem penjagaan alternatif yang perlu ditangani dengan segera. Disebabkan oleh **Pelindung Kanak-kanak yang tidak mencukupi**, jumlah kes yang dikendalikan adalah terlalu banyak untuk membolehkan pengurusan kes yang berkesan dan kajian yang betul mengenai penempatan kanak-kanak. Kadang-kadang ini telah menyebabkan kanak-kanak dipulangkan kepada keluarga mereka dengan penderaan masih boleh berterusan.¹² Pada masa ini, kebanyakan rumah-rumah penjagaan swasta masih tidak mempunyai dan tidak perlu ada **Dasar Perlindungan Kanak-kanak** sebelum mereka diberikan lesen untuk beroperasi. Di samping itu, beberapa rumah penjagaan yang dikendalikan oleh kerajaan tidak menyediakan kanak-kanak untuk beralih daripada penjagaan secara seragam, apabila mereka mencapai umur 18 tahun dan perlu untuk mencari rezeki (juga lihat **Kanak-kanak Tanpa Kerakyatan** di bawah).

Walaupun Akta Kanak-kanak menyatakan bahawa penjagaan institusi tidak boleh digunakan sebagai pilihan pertama, terdapat terlalu sedikit perkhidmatan, seperti kaunseling, untuk membantu keluarga berisiko menjaga anak-anak mereka di rumah; jadi kanak-kanak akan dimasukkan ke dalam penjagaan alternatif.

Pengangkatan: Undang-undang pengangkatan kebangsaan adalah tidak seragam: orang bukan Islam mempunyai dua pilihan di bawah undang-undang, dan pengangkatan Islam adalah mengikut undang-undang Syariah. Di samping itu, ramai orang memilih untuk mengangkat di luar perimeter undang-undang. Undang-undang Malaysia mengiktiraf dua kaedah pengangkatan yang sah: pengangkatan di bawah **Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952** (RAA) yang digunakan oleh orang Islam dan bukan Islam; dan melalui perintah Mahkamah sebagaimana yang diperuntukkan oleh **Akta Pengangkatan 1952** (AA) yang hanya digunakan oleh orang bukan Islam. Kedua-dua AA dan RAA hanya digunakan di Semenanjung Malaysia.¹³ Kanak-kanak yang diangkat di bawah AA memperoleh semua hak sebagai anak-anak kandung kepada ibu bapa angkat. Walau bagaimanapun, kanak-kanak yang diangkat di bawah RAA tidak boleh mengikut nama atau mewarisi harta ibu bapa angkat, walaupun kanak-kanak akan mendapat dokumen pendaftaran (termasuk pasport) melalui pemilikan sijil pengangkatan. RAA juga senyap atau tidak menangani bidang-bidang lain (seperti pembayaran nafkah, hadiah, jagaan dan sosial bercampur jantina ('mixed-gender socializing')) dalam hubungan ibu bapa angkat dan kanak-kanak, dan oleh itu tidak memperuntukkan secukupnya untuk hak kanak-kanak yang diangkat melalui kaedah ini.

Walaupun tidak terdapat data yang tepat mengenai jumlah anak angkat yang diangkat melalui saluran tidak rasmi dan menyalahi undang-undang, ia dipercayai adalah jauh lebih daripada jumlah anak angkat yang diangkat secara sah. Ramai pekerja sosial percaya ini adalah kerana kekurangan kesedaran tentang tatacara pengangkatan yang betul oleh bakal ibu bapa dan pandangan bahawa proses pengangkatan secara rasmi adalah terlalu lambat. Sememangnya, terdapat tempoh dua tahun penungguan di bawah RAA untuk permohonan pengangkatan awal untuk diluluskan; ini dianggap oleh ramai pekerja sosial dan ibu bapa sebagai terlalu panjang. Akibatnya, ibu bapa beralih kepada sumber yang kurang berwibawa yang menghubungkan ibu bapa yang bakal dengan sindiket penjualan bayi yang menukar bayi untuk wang.

7. Keganasan, Penderaan, Pengabaian, Penganiayaan dan Eksploitasi

Keganasan, Penderaan, Pengabaian dan Penganiayaan: Menurut JKM, bilangan kes penderaan kanak-kanak yang dilaporkan di negara ini telah semakin meningkat sejak tiga tahun yang lalu (walaupun statistik daripada PDRM menunjukkan penurunan dalam kes-kes ini dari 2010-2011).

Bilangan Kes Penderaan Kanak-kanak yang Dilaporkan

	2009	2010	2011
JKM*	2,789	3,257	3,428
RMP**	3,986	4,039	3,678

* Kes-kes termasuk penderaan fizikal, seksual, emosi dan mental

** Kes-kes termasuk penderaan fizikal, rogol, liwat, dan mencabul

Sumber: Hashim, NHM, (Timbalan DG, JKM), & ASP Ong (Jabatan Siasatan Wanita & Kanak-Kanak, Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman), Analisis Situasi Keganasan Terhadap Kanak-kanak di Malaysia, Persidangan Negara Ke-3 Keganasan Terhadap Kanak-kanak, 9-10 Jun 2012

Walaupun terdapat jumlah yang bercanggah antara agensi (mungkin sebahagiannya disebabkan oleh cara di mana kes-kes dikelaskan), dianggarkan bahawa terdapat banyak kes penderaan yang masih **tidak dilaporkan**.¹⁴ Penderaan kanak-kanak, terutamanya penderaan seksual, masih merupakan satu **subjek yang pantang** dalam masyarakat kita. Keengganan untuk melaporkan kes penderaan boleh disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk stigma / perasaan malu dan budaya senyap dalam komuniti. Walaupun nampaknya ada kesedaran yang meningkat dan peningkatan perhatian media mengenai penderaan kanak-kanak, namun kadar pelaporan yang rendah ini seolah-olah menunjukkan sikap acuh tak acuh dari masyarakat sivil, kerana orang dewasa jarang bercampur tangan apabila kanak-kanak didera; lalu menyebabkan kecederaan yang serius dan juga kematian.

FAKTA-FAKTA UTAMA

Menurut JKM, in pada tahun 2011, 44.3% pendera kanak-kanak di Malaysia terdiri daripada ibu bapa, dengan ibu lebih cenderung menjadi pendera daripada bapa.

Sumber: Hashim, NHM, (Timbalan DG, JKM), & ASP Ong (Jabatan Siasatan Wanita & Kanak-Kanak, Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman), Analisis Situasi Keganasan Terhadap Kanak-kanak di Malaysia, Persidangan Negara Ke-3 Keganasan Terhadap Kanak-kanak, 9-10 Jun 2012

Rangka kerja perundangan dan dasar-dasar yang telah dimulakan untuk menangani peningkatan jumlah kes penderaan, termasuk Akta Kanak-kanak, Dasar dan Pelan Tindakan Kanak-kanak Negara dan Dasar dan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-kanak Negara. Semua ini menyediakan hala tuju strategik yang penting untuk melaksanakan mekanisme dalam sistem perlindungan kanak-kanak untuk melindungi dan menjaga kanak-kanak daripada penderaan. Selain itu, kerjasama antara agensi antara Pasukan SCAN dalam hospital, polis dan Pelindung Kanak-kanak di bawah JKM membantu dengan membolehkan pelaporan penderaan suatu pengalaman yang lebih mudah dan kurang traumatik untuk kanak-kanak. Seperti yang digariskan di atas bagaimanapun (lihat **Rangka Kerja Kebangsaan bagi Hak Kanak-kanak di Malaysia**), penilaian yang komprehensif tentang strategi-strategi belum dilakukan dan jurang dalam sistem masih ketara. Pelaksanaan dasar perlindungan dan perkhidmatan kanak-kanak tidak digunakan secara sekata bagi kanak-kanak daripada masyarakat miskin dari bandar dan luar bandar; kanak-kanak dari kawasan pedalaman; kanak-kanak kurang upaya; dan kanak-kanak yang telah diperdagangkan. Kumpulan kanak-kanak ini terus menghadapi kesukaran mengakses sistem pelaporan dan proses penyiasatan yang penuh. Tambahan pula, kumpulan-kumpulan kanak-kanak tertentu terus ditinggalkan daripada sistem pencegahan dan tindak balas perlindungan kerana status undang-undang mereka, sebagai contohnya, kanak-kanak pelarian, pencari suaka, migran tidak teratur dan kanak-kanak yang tidak berwarganegara. Cabaran lain yang dihadapi oleh kanak-kanak yang diselamatkan oleh penderaan termasuk: soal siasat yang berulang mengenai perkara yang sama oleh pelbagai agensi kerajaan; kekurangan pengakuan dan pengiktirafan tanda-tanda penderaan bukan fizikal; dan kanak-kanak yang perlu menghadapi pesalah mereka semasa memberi keterangan. Kebanyakan kanak-kanak ini dan keluarga mereka kurang diberikan perkhidmatan sokongan kerana Pelindung Kanak-kanak telah menghadapi kesukaran untuk menyediakan perkhidmatan susulan berterusan disebabkan oleh jumlah kes yang dikendalikan oleh mereka dan bilangan kakitangan yang terhad.

Strategi pencegahan dalam sistem perlindungan kanak-kanak:

Strategi pencegahan dalam Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-kanak Negara 2009:

- 1. Mewujudkan mekanisme amaran awal dan mengukuhkan mekanisme perlindungan kanak-kanak;**
- 2. Menyediakan pengetahuan asas kepada kanak-kanak untuk melindungi diri mereka; dan**
- 3. Membangunkan modul latihan seragam mengenai perlindungan kanak-kanak dan sistem saringan bagi orang-orang yang bekerja secara langsung dengan kanak-kanak.**

Sebagai sebahagian daripada **mekanisme amaran awal**, sistem amaran **NUR Alert** akan diaktifkan apabila seorang kanak-kanak di bawah umur 12 tahun didapati di dalam bahaya segera. Walau bagaimanapun, tidak terdapat tatacara operasi yang seragam bagi penguatkuasaan undang-undang untuk melaksanakan sistem tersebut, dan sistem ini hanya pernah diaktifkan untuk lima kes kanak-kanak hilang.¹⁵

FAKTA-FAKTA UTAMA

Sistem amaran Nur Alert tidak digunakan bagi kanak-kanak hilang yang berumur 12 tahun ke atas. Sejak tahun 2010, terdapat 1,800 kanak-kanak di antara umur 12-18 tahun yang telah dilaporkan hilang.¹⁶

Pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan telah mengambil usaha untuk menyediakan **pengetahuan asas kepada kanak-kanak mengenai penderaan, pengabaian, penganiayaan dan eksploitasi** supaya kanak-kanak dapat mengenal pasti situasi yang berpotensi berbahaya. Walau bagaimanapun, **program-program keselamatan peribadi untuk kanak-kanak** sering tidak termasuk kanak-kanak yang paling berisiko seperti kanak-kanak migran, pelarian, pencari suaka, kanak-kanak tanpa kerakyatan, dan kanak-kanak tidak berdokumen. Strategi pencegahan ketiga adalah untuk membangunkan **modul latihan seragam mengenai perlindungan kanak-kanak** yang terdiri terutamanya daripada latihan mengenai penggubalan Dasar Perlindungan Kanak-kanak untuk rumah penjagaan alternatif kerajaan dan bukan kerajaan. Walau bagaimanapun, setakat Februari 2012, hanya 77 organisasi bukan kerajaan yang berkaitan dengan kanak-kanak di negara ini telah dilatih.¹⁷ Selain itu, organisasi bukan kerajaan yang dirunding semasa penyelidikan ini, telah menyatakan bahawa pegawai polis tidak menerima latihan tentang cara-cara untuk mengenal pasti tanda-tanda penderaan, pengabaian atau penganiayaan; dan cara-cara untuk menentukan sama ada kanak-kanak perlu dipinda daripada sesebuah rumah yang kanak-kanak itu disyaki mengalami penderaan.¹⁸ Pada masa kini, tiada sistem saringan yang seragam bagi orang-orang yang bekerja secara langsung dengan kanak-kanak.

Talian bantuan 24-jam, Talian Nur 15999, ditubuhkan pada tahun 2007 untuk menangani aduan penderaan, pengabaian, keganasan rumah tangga, bantuan kebajikan, dan pembuangan bayi. Pada tahun 2010, satu projek keselamatan swasta, umum dan yang bukan-keuntungan, **Childline Malaysia**, telah dimulakan khususnya untuk menangani panggilan daripada kanak-kanak yang memerlukan maklumat, pemeliharaan dan perlindungan. Walaupun Talian Nur dan Childline menggunakan nombor 15999 yang sama, pengendali Childline hanya menjawab panggilan daripada kanak-kanak manakala pengendali Talian Nur menjawab panggilan daripada orang dewasa. Di samping itu, para-kaunselor di Childline tidak mengendalikan kes secara langsung tetapi merujuk panggilan kepada Pelindung Kanak-kanak yang berkenaan dan pegawai-pegawai Talian Nur. Childline menerima sejumlah 3,128 panggilan daripada kanak-kanak pada tahun 2011, mengenai isu-isu yang berkaitan dengan kesihatan mental, penderaan dan keganasan. Menurut KPWK, sejak talian tersebut telah ditubuhkan pada tahun 2007, Talian Nur telah menerima dalam purata, 100 panggilan sebulan daripada orang dewasa.¹⁹ KPWK juga telah menyatakan bahawa, 480 kes penderaan kanak-kanak yang dilaporkan pada tahun 2010 dan 404 kes penderaan kanak-kanak yang dilaporkan di antara Januari dan April 2011 telah dilaporkan oleh orang dewasa.²⁰ Penubuhan talian bantuan ini adalah satu langkah yang positif. Walau bagaimanapun, terdapat kebimbangan yang dibangkitkan bahawa pengendali talian tidak bersedia untuk menangani pelbagai isu-isu sensitif seperti isu-isu yang dihadapi oleh kanak-kanak LGBTIQ dan masalah kesihatan mental. Selain itu, model sistem susulan dan intervensi perlu diperbaiki dengan meningkatkan tenaga kerja untuk menyalut kes-kes penderaan yang disyaki.²¹ Ia juga diperhatikan bahawa terdapat kekurangan kesedaran umum tentang talian 15999 bagi masyarakat di kawasan luar bandar dan di Malaysia Timur.

Hukuman koperal: Sebatan kanak-kanak lelaki adalah hukuman yang sah dari segi undang-undang kanun keseksaan dalam sistem keadilan jenayah, dan terus digunakan untuk kanak-kanak lelaki yang berada dalam konflik dengan undang-undang.

FAKTA-FAKTA UTAMA

Di antara tahun 2002 dan 2012, sejumlah 31 hukuman sebat telah dijatuhkan dan dijalankan ke atas kanak-kanak lelaki bersempena dengan Akta Kanak-kanak dan Kanun Tatacara Jenayah 2006 (Akta 594). Pada tempoh masa yang sama, 19 hukuman sebat telah dijatuhkan dan dijalankan ke atas kanak-kanak di bawah undang-undang Syariah

Sumber: Inisiatif Global untuk Menamatkan Semua Hukuman Koperal Kanak-kanak, Laporan Negara Malaysia, Ogos 2012

Sebatan dan bentuk hukuman koperal yang lain juga digunakan sebagai langkah tatatertib yang sah di sisi undang-undang di institusi keseksaan, serta sekolah-sekolah dan penjagaan alternatif. Hukuman sebat yang dikenakan dalam rumah tangga masih sah di sisi undang-undang dan dipercayai adalah meluas, walaupun data tidak disediakan.

Di sekolah, hukuman koperal (sebatan) boleh digunakan ke atas pelajar lelaki menurut keadaan yang dinyatakan di dalam Peraturan-peraturan Pendidikan (Disiplin Sekolah) 1959. Peraturan-peraturan memperuntukkan, antara lain, bahawa hukuman koperal hanya boleh dikenakan oleh guru besar sahaja, atau oleh guru yang berdaftar yang diberi kuasa oleh guru besar. Tambahan pula, sebatan hanya boleh dikenakan ke atas kesalahan-kesalahan yang serius dan/atau berulang, dan ibu-bapa pelajar tersebut mesti dimaklumkan. Hukuman sebatan tersebut mesti dijalankan secara sulit, di kawasan tertutup. Ketidakpatuhan Peraturan ini telah dilaporkan sebagai satu kebiasaan, khususnya berhubung bentuk hukuman sebat yang dikenakan dan orang-orang yang melaksanakan hukuman tersebut.

FAKTA-FAKTA UTAMA

Dalam satu kajian yang dijalankan pada tahun 2011 di 9 buah sekolah rendah dan 10 buah sekolah menengah di 6 negeri di Malaysia, pelajar-pelajar telah melaporkan bahawa mereka ditampar muka; dicubit; dipukul di belakang kepala; mengalami rambut, kening, telinga dan jambang ditarik; didera secara lisan; dan dipaksa membuat aktiviti fizikal seperti mencangkung dan melintas lengan sambil menarik cuping telinga.²²

Hukuman koperal juga telah digunakan sebagai cara hukuman untuk homoseksualiti, atau orang yang dianggap sebagai homoseksual. (Lihat **Kanak-kanak LGBTIQ** di bawah)

Pemerdagangan dan Eksploitasi: Walaupun diketahui bahawa Malaysia adalah satu destinasi, transit dan sebahagian kecilnya, negara sumber untuk pemerdagangan kanak-kanak, terdapat keperluan untuk maklumat yang lebih lanjut mengenai sifat dan magnitud pemerdagangan kanak-kanak di Malaysia. Data mengikut pecahan bilangan kanak-kanak yang diseludupi ke dalam dan keluar dari Malaysia tidak boleh didapati secara umum. Pada bulan Mac 2012, kerajaan mengesahkan bahawa dari tahun 2008 ke tahun 2012, sejumlah 977 mangsa pemerdagangan manusia telah diselamatkan dan diletakkan di bawah Perintah Perlindungan (PO). Daripada jumlah ini, 122 adalah kanak-kanak.²³ Ia adalah berkemungkinan bahawa bilangan sebenar kanak-kanak yang diperdagangkan di Malaysia adalah jauh lebih tinggi memandangkan sifat haram penyeludupan manusia. Ia juga berkemungkinan bahawa kebanyakan kes penyeludupan kanak-kanak tidak dapat dikesan dan/atau tidak disiasat dengan sewajarnya, memandangkan kekurangan latihan khususnya dalam mengenal pasti petunjuk pemerdagangan kanak-kanak dan teknik sensitif untuk menemu duga dan melindungi kanak-kanak pemerdagangan yang diselamatkan.


Satu lagi isu utama ialah kekurangan tatacara pengesahan umur yang betul untuk kanak-kanak yang diperdagangkan. Adalah dipercayai bahawa sebilangan besar kanak-kanak yang diperdagangkan di Malaysia terdiri daripada gadis-gadis yang diperdagangkan ke dalam pekerjaan domestik. Organisasi bukan kerajaan telah mendokumentasikan beberapa kes gadis-gadis, segelintir yang hanya berumur 13 tahun, yang telah diambil dari Kemboja untuk menjadi pekerja domestik di Malaysia. Satu komplikasi yang ketara adalah bahawa umur kanak-kanak adalah kadang-kadang dipalsukan. Dalam kes-kes ini, pihak berkuasa dilaporkan mengambil umur yang

dinyatakan dalam dokumen pengenalan seseorang pada nilai muka dan tidak menjalankan tatacara pengesahan umur yang betul. Hasilnya adalah bahawa kanak-kanak itu dilucutkan hak dan langkah-langkah perlindungan khasnya di bawah CRC.

Malaysia telah menjadi pihak kepada Protokol PBB mengenai Perdagangan Manusia 2000, tetapi dengan tempahan. Kerajaan juga telah meluluskan Akta Anti-Perdagangan Orang 2007. Akta ini memberikan syarat penalti terhadap perdagangan dan menetapkan langkah-langkah untuk melindungi mangsa-mangsa perdagangan. Walau bagaimanapun, Akta ini memberi tumpuan kepada hukuman pesalah-pesalah dan hanya sedikit dilakukan untuk menangani hak asasi orang yang terselamat. Sebagai contoh, Akta tersebut tidak mempunyai peruntukan perundangan untuk memenuhi keperluan perlindungan khas mangsa perdagangan kanak-kanak, dan tidak ada keperluan bahawa mereka akan disediakan dengan akses perwakilan atau nasihat undang-undang. Antara tiga buah rumah perlindungan yang disediakan untuk wanita dan kanak-kanak, mangsa perdagangan kanak-kanak diberi kebebasan pergerakan dan akses kepada bantuan psikologi yang sangat terhad. Dalam pengecualian protokol biasa, Malaysia telah diletakkan pada Tingkat 2, Senarai Pemerhatian untuk tahun ketiga menurut Laporan Perdagangan Orang oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat.²⁴

8. Kesihatan

Kadar Kematian Kanak-Kanak di bawah Umur 5 Tahun



Source: Department of Statistics Malaysia, Population Statistics, 2010; Ministry of Health Malaysia Annual Report 2008, Health Facts 2008, 2010, 2012

Kesihatan dan Kebajikan Asas: Perkhidmatan kesihatan untuk kanak-kanak telah bertambah baik, terutamanya bagi kanak-kanak di persekitaran bandar. Terdapat kemajuan yang ketara dalam pembangunan pusat-pusat penjagaan kesihatan utama di negara ini sejak 10 tahun yang lalu, termasuk penubuhan Klinik Kesihatan, Program Perkhidmatan Doktor Udara dan Klinik Bergerak bagi masyarakat luar bandar dan terpencil, Pusat Bersalin Alternatif, dan Klinik 1 Malaysia. Walau bagaimanapun, jurang masih wujud dalam bentuk **akses kepada kesihatan di kawasan pedalaman** disebabkan

kekurangan pengangkutan dan jarak yang jauh, dan banyak komuniti memerlukan tiga jam untuk pergi ke klinik yang terdekat, dengan menumpang lori balak dan menjalani kawasan-kawasan yang berbahaya.²⁵ Perkhidmatan klinik bergerak ke lokasi terpencil adalah tidak teratur kerana banyak bergantung kepada keadaan cuaca dan sama ada jalan boleh dilalui. Walaupun **kos untuk penjagaan kesihatan pesakit luar** adalah minima (RM1.00), jurang masih wujud kerana bayaran ini hanya dikenakan kepada rakyat Malaysia dan bukan untuk kanak-kanak pekerja migran, mereka yang tidak berdokumentasi, mereka yang tanpa kerakyatan atau kanak-kanak pelarian dan pencari suaka. Di samping itu, kanak-kanak di bawah umur 5 (kanak-kanak tidak bersekolah), yang menerima rawatan sebagai pesakit ambulatori (penjagaan harian) dan pesakit dalam perlu membayar kadar yang lebih tinggi untuk mengakses perkhidmatan kesihatan. Juga terdapat jurang dalam **kualiti perkhidmatan secara keseluruhan**, terutamanya bagi kanak-kanak di kawasan luar bandar dan masyarakat terpinggir. Kanak-kanak dari masyarakat ini terus tidak dilayani dan menghadapi masalah kesihatan termasuk malnutrisi, anemia, kekurangan vitamin A, malaria, batuk kering, kolera dan tifoid. Ini telah seterusnya mengakibatkan kadar kematian bayi dan kanak-kanak kecil yang tinggi. Walaupun **penjagaan kesihatan ibu** bagi masyarakat luar bandar dan pedalaman telah bertambah baik, lebih banyak perlu dilakukan kerana masih terdapat banyak isu-isu kesihatan yang kritikal tetapi mudah dirawat yang tidak didiagnosis, seperti penyakit kuning (jaundice) dalam bayi.

FAKTA-FAKTA UTAMA

Kadar kematian kanak-kanak di bawah umur 5 tahun telah meningkat daripada kadar sebanyak 8.0 setiap 1,000 kelahiran (3,887 kanak-kanak) pada tahun 2008 kepada kadar sebanyak 8.5 bagi setiap 1,000 kelahiran (4,222 kanak-kanak) pada tahun 2010.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia, Fakta-fakta Kesihatan 2012

Kanak-kanak yang dijangkiti dan dijejaskan oleh HIV/AIDS: Bagi kanak-kanak yang dijangkiti HIV/AIDS, **kekurangan penjagaan yang berkesan dan perkhidmatan sokongan** serta **stigma dan diskriminasi** terhadap penyakit ini telah meletakkan mereka dalam kedudukan yang terdedah. Adalah dianggarkan bahawa terdapat di antara 6,000 hingga 14,000 kanak-kanak dijejaskan oleh HIV/AIDS (dijangkiti, anak-anak yatim, dibuang); dan terdapat hanya beberapa cara penyelesaian iaitu sama ada melalui usaha kerajaan atau organisasi bukan kerajaan.²⁶ Perkhidmatan untuk memenuhi keperluan kanak-kanak yang hidup dengan HIV / AIDS adalah hampir tidak wujud. Terdapat hanya tiga buah rumah di seluruh negara (di Kota Baru, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur) yang memberikan jagaan kepada kanak-kanak yang menjadi anak-anak yatim disebabkan HIV/AIDS. Hasilnya, ramai kanak-kanak ini diletakkan di rumah-rumah yang tidak dilengkapi untuk memenuhi keperluan kanak-kanak yang dijangkiti dan dijejaskan oleh HIV/AIDS. Kaunseling sensitif untuk kanak-kanak tersedia di beberapa buah hospital kerajaan tetapi tidak terdapat tatacara operasi yang seragam untuk sekolah-sekolah tentang bagaimana menangani gangguan dalam pelajaran kanak-kanak akibat menerima rawatan untuk HIV/AIDS.²⁷ Kanak-kanak yang dijangkiti dan dijejaskan oleh HIV / AIDS terus menghadapi diskriminasi akibat stigma sosial yang dikaitkan dengan penyakit ini dan boleh disisih oleh rakan-rakan mereka, ahli keluarga yang lain dan masyarakat sivil secara umum. Ini telah memberi kesan kepada keupayaan mereka untuk mengakses penjagaan kesihatan, pendidikan, dan perkhidmatan sosial dan asas yang lain. Lebih banyak usaha perlu diambil untuk berhadapan dengan stigma sosial dan untuk meningkatkan penjagaan dan perkhidmatan untuk kanak-kanak yang hidup dengan dan yang dijejaskan oleh HIV / AIDS.

Kesihatan Mental: Walaupun terdapat kadar-kadar peningkatan yang lazim, secara keseluruhannya, perhatian yang diberikan ke isu-isu kesihatan mental dan sokongan psikososial kepada kanak-kanak dalam negara adalah tidak mencukupi. Ini dibuktikan melalui bilangan psikiatri (0.83:100,000 orang),²⁸ psikologi (0.29:100,000 orang) dan kaunselor berdaftar (setakat tahun 2009 terdapat 1,865 kaunselor yang berdaftar untuk populasi sebanyak 27 juta orang) dalam negara.²⁹ Isu ini selanjutnya menambah kepada **stigma yang dikaitkan dengan kesihatan mental** dan kekurangan pemantauan dan penilaian ke atas keberkesanan sokongan psikososial, kaunseling dan perkhidmatan psikiatri untuk kanak-kanak. Menurut Childline Malaysia, panggilan yang paling tinggi daripada kanak-kanak melalui talian 15999 (1,828 panggilan) pada tahun 2011 adalah berkenaan dengan isu-isu kesihatan mental termasuk: panggilan berkenaan dengan perasaan kesunyian, ketakutan dan kebimbangan, kemurungan, kurang keyakinan, isu-isu berkaitan dengan penampilan fizikal dan ada yang berkenaan dengan bunuh diri.³⁰ Pada tahun 2011, KKM bersama dengan KPM telah memulakan satu kajian rintis kesihatan mental dengan 6,450 orang pelajar dari enam buah sekolah menengah di dalam negara. Kajian tersebut mendedahkan bahawa 17.1% pelajar-pelajar mempunyai gejala gangguan keresahan yang teruk; 5.2% mempunyai gejala kemurungan yang teruk dan 4.8% mengalami stres yang teruk.³¹ Penemuan ini menunjukkan bahawa lebih banyak yang perlu dilakukan untuk menangani keperluan kesihatan mental kanak-kanak dan mengurangkan stigma yang dikaitkan dengan kesihatan mental di Malaysia.

Penyusuan adalah bermanfaat kepada bayi tetapi kadar penyusuan susu ibu yang eksklusif masih rendah di Malaysia. Data daripada KKM menunjukkan bahawa secara lazimnya penyusuan eksklusif sehingga 6 bulan adalah 14.5% di Malaysia pada tahun 2006,³² berbanding dengan 38% iaitu purata global untuk tahun 2000 ke tahun 2007.³³ Kadar yang rendah di Malaysia adalah disebabkan sebahagiannya oleh amalan promosi yang tidak beretika oleh pengeluar formula bayi komersial dan juga kekurangan sokongan umum oleh majikan.

Remaja dan Kesihatan Reproduktif: Setiap kemudahan kesihatan harus mempunyai perkhidmatan kesihatan yang mesra untuk remaja, dan yang menghormati privasi dan keperluan kumpulan kanak-kanak ini. **Pelan Tindakan Remaja Negara (2005)** digubal untuk menyelaras usaha-usaha semua agensi yang berkaitan, yang menyediakan perkhidmatan kesihatan reproduktif dan perkhidmatan yang lain, untuk menangani tingkah laku berisiko di kalangan remaja, serta menjadikan perkhidmatan kesihatan lebih remaja-mesra. Dalam usaha yang membanggakan, Pelan Tindakan tersebut mempunyai strategik-strategik yang ditakrifkan dengan jelas, tempoh masa yang realistik dan petunjuk-petunjuk untuk mengukur pelaksanaan perkhidmatan-perkhidmatan dan program-program. **Perkhidmatan kaunseling remaja** turut disediakan oleh LPPKN melalui inisiatif Kafe@ Teen dan walaupun merupakan permulaan yang positif, perlu mendekati lebih banyak remaja, terutamanya di kawasan luar bandar.

FAKTA-FAKTA UTAMA

Sejak tahun 2007, kira-kira 9,440 remaja telah menggunakan perkhidmatan kesihatan reproduktif dan kaunseling di enam buah pusat Kafe @ Teen

Sumber: Singh, H., (Deputy Secretary General (Strategic), Ministry of Women, Family and Community Development), The 45th Session of the Commission on Population and Development General Debate on National Experience in Population Subjek: Remaja dan Belia, 24 April 2012

Pada tahun 2007, terdapat sejumlah kira-kira 5,412,600 remaja yang berumur 10-19 tahun

Sumber: Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Kesihatan Remaja di Malaysia (Tidak bertarikh)

Remaja-remaja masih menghadapi kesukaran untuk mendapatkan maklumat yang boleh dipercayai berkenaan dengan **kesihatan reproduktif dan seksual** kerana kebanyakan maklumat ini, terutamanya yang berkenaan dengan isu-isu seksualiti dan bukan heteronormatif, telah ditindas.³⁴ Percubaan untuk memperkenalkan pendidikan kesihatan reproduktif dan seksual dalam kurikulum pendidikan kebangsaan telah menerima tentangan yang hebat. Ini kerana terdapat tanggapan bahawa pendidikan kesihatan reproduktif hanya akan menggalakkan remaja-remaja untuk melakukan seks sebelum kahwin. Sikap tersebut terhadap pendidikan dan tingkah laku seksual di kalangan remaja mempunyai kesan yang terhad dalam menangani isu-isu seperti peningkatan tahap HIV / AIDS, penyakit kelamin, kehamilan remaja, dan pembuangan bayi yang baru lahir.

9. Pendidikan

FAKTA-FAKTA UTAMA

Malaysia hampir memperoleh pendidikan rendah yang sejagat dan sedang menuju ke arah pendidikan menengah yang sejagat. Walaupun ini, adalah dianggarkan bahawa 120,000 kanak-kanak Malaysia masih tidak menghadiri sekolah dan tidak ada akses kepada pendidikan rendah.

Sumber: United Nations Country Team Malaysia, Malaysia: the Millennium Development Goals at 2010, April 2011

Dalam satu kajian pada tahun 2009, terdapat lebih kurang 44,000 kanak-kanak dalam lingkungan umur sekolah yang tidak pernah menghadiri sekolah. Majoriti daripada kanak-kanak tersebut adalah kanak-kanak pelarian atau pencari suaka, atau kanak-kanak migran yang tidak teratur dan pekerja asing. Walau bagaimanapun, lebih daripada 5,000 kanak-kanak tersebut adalah warganegara Malaysia dan kebanyakan mereka adalah kanak-kanak Orang Asli dan Penan serta anak-anak yatim dan kanak-kanak yang hidup dalam kesulitan ekonomi.

Sumber: Ministry of Education, Malaysia, Study on Children without Official Identification Documents in Malaysia, Educational Planning and Research Division, Kuala Lumpur, 2009

Akses kepada Pendidikan yang berkualiti: Walaupun Malaysia hampir berjaya memperoleh pendidikan rendah yang sejagat dan proses yang ketara sedang dijalankan untuk memperoleh pendidikan menengah yang sejagat, cabaran yang ketara kekal terhadap kumpulan kanak-kanak dari masyarakat terpinggir dan yang kurang bernasib baik.

Ramai kanak-kanak dari masyarakat **pelarian, pencari suaka, yang tanpa kerakyatan dan migran yang tidak teratur** tidak ada akses kepada pendidikan rasmi, kerana sekolah-sekolah kerajaan secara umumnya tidak menerima kanak-kanak bukan warganegara Malaysia dan kanak-kanak tidak berdokumentasi. Kanak-kanak yang tidak boleh berdaftar dengan sekolah kerajaan dan yang ibu bapanya tidak mampu membiayai perbelanjaan sekolah swasta perlu bergantung kepada pendidikan yang dibekalkan oleh pusat pelajaran yang tidak rasmi. Pusat-pusat pembelajaran tersebut secara umumnya adalah kekurangan kewangan dan sumber serta hanya membekalkan pendidikan yang asas kepada kanak-kanak.

Kerajaan Malaysia pada tahun 2009 mengumumkan bahawa **kanak-kanak Malaysia yang tidak mempunyai sijil lahir** boleh mengikuti sekolah-sekolah kerajaan jikalau mereka mendapat pengesahan mengatakan mereka dilahirkan di Malaysia daripada JKM atau ketua kampung.³⁵ Walau bagaimanapun, kesedaran tentang hakikat ini oleh ibu bapa dan guru-guru dipercayai sangat kurang, dan tiada pengecualian yang sepadan yang disediakan untuk kanak-kanak yang ingin menduduki peperiksaan rasmi.

Kumpulan kanak-kanak terpinggir dan yang kurang bernasib baik, yang tidak mempunyai akses kepada pendidikan rasmi atau peperiksaan rasmi, sering menghadapi risiko untuk memasuki tenaga kerja yang tidak rasmi pada usia yang muda. Ini bermakna, dengan kekurangan dokumentasi dan status undang-undang, mereka tidak mempunyai sebarang Jalan keluar sekiranya menerima layanan yang tidak adil, penderaan, keganasan atau kecederaan di tempat kerja.

Kanak-kanak kurang upaya, kanak-kanak yang hidup dalam kemiskinan dan kanak-kanak peribumi juga menghadapi halangan yang ketara dalam akses kepada pendidikan, seperti yang dibincangkan selanjutnya di bawah.

Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (ECCE): Pendidikan pra-sekolah di Malaysia telah berkembang secara mendadak; walau bagaimanapun, jurang masih kekal, terutamanya dalam **pemantauan dan penilaian pembekal ECCE** dan akses kepada pendidikan pra-sekolah oleh kanak-kanak yang terpinggir dan yang kurang bernasib baik. ECCE termasuk kemudahan-kemudahan yang dilaksanakan oleh kedua-dua kerajaan dan swasta, yang mana sebahagiannya dibuka kepada kesemua kanak-kanak dan yang lain menumpu kepada kumpulan etnik atau agama yang tertentu. Dalam sistem pelbagai seperti ini, tahap kualiti memerlukan kewaspadaan. Sebagai contohnya, walaupun guru-guru pra-sekolah di sekolah KPM diwajibkan untuk memperoleh Sarjana Muda dalam Pendidikan Penjagaan Kanak-kanak, keperluan yang sama tidak diperlukan untuk jabatan-jabatan kerajaan yang lain atau sektor swasta di mana guru-guru hanya perlu menghadiri kursus-kursus yang pendek dan diberi latihan semasa kerja. Terdapat banyak sekolah swasta dan pusat-pusat yang **tidak berdaftar**, oleh itu, tahap kualiti tidak dipantau. Kekurangan peraturan dan pemantauan tadika dan pusat penjagaan kanak-kanak meletakkan kanak-kanak dalam risiko, seperti yang ditunjuk dalam laporan bahawa terdapat 14 kanak-kanak mati di pusat penjagaan kanak-kanak dalam lima bulan pertama tahun 2012.³⁶ Akhirnya, akses kepada pendidikan pra-sekolah adalah terhad bagi kanak-kanak daripada **komuniti terpinggir dan yang kurang bernasib baik**, seperti kanak-kanak berbangsa India Malaysia dari keluarga yang berpendapatan rendah dan kanak-kanak peribumi yang tinggal di kawasan terpencil. Ini disebabkan oleh faktor-faktor seperti kemiskinan dan kekurangan akses ke pra-sekolah awam di sekitarnya.

Kadar Berhenti Sekolah: Walaupun ada pengurangan dalam purata pemberhentian sekolah dari sekolah rendah kerajaan, kelainan demo grafik tetap wujud. Kadar berhenti sekolah semasa peralihan dari sekolah rendah ke menengah masih menjadi satu cabaran yang mempengaruhi lebih kurang 17,000 kanak-kanak.³⁷ **Kadar budak lelaki berhenti sekolah adalah lebih tinggi**, dengan kadar penyediaan sekolah untuk pelajar perempuan lebih tinggi di kedua-dua peringkat rendah dan menengah.³⁸

Walaupun kajian yang menyeluruh belum dijalankan ke atas sebab-sebab budak lelaki di Malaysia lebih terdedah kepada keciciran dari sekolah, temu bual yang dijalankan dengan ibu-bapa, guru-guru dan pengetua sekolah menunjukkan bahawa sebahagian budak-budak lelaki berasa susah dengan kurikulum akademik arus perdana dan mungkin akan mendapat manfaat daripada latihan vokasional atau kerja kursus praktikal. Walau bagaimanapun, latihan vokasional di Malaysia masih lemah dan berpecah, serta berstigma berbanding dengan pendidikan akademi yang tradisional. Selanjutnya, budak lelaki dari keluarga yang miskin juga lebih berkemungkinan berhenti sekolah dan mulai bekerja untuk membantu keluarga mereka. Di Sabah dan Sarawak, organisasi bukan kerajaan telah memerhatikan bahawa kadar berhenti sekolah yang tinggi bagi kedua-dua lelaki dan perempuan adalah disebabkan oleh pengangkutan ke sekolah yang terhad, keperluan untuk membantu di ladang keluarga atau pekerjaan bentuk lain, keperluan untuk menjaga adik yang kecil, perkahwinan yang awal, dan kekurangan sokongan keluarga untuk menghadiri sekolah.

10. Kanak-Kanak Kurang Upaya

Rangka kerja dasar-dasar dan undang-undang berkenaan dengan kanak-kanak kurang upaya adalah agak kuat. CRPD telah mulai berkuat kuasa di Malaysia pada tahun 2010 dan Malaysia telah menggubal Dasar Orang Kurang Upaya 2007 dan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2008-2012 dan Akta PWD. Walau bagaimanapun, jurang yang tidak bermanfaat kepada kanak-kanak kurang upaya, masih kekal dalam rangka kerja ini. Malaysia telah memasuki tempahan rasmi terhadap CRPD dan telah membuat satu pengisytiharan untuk mengehendkan pelaksanaan kerajaan untuk peruntukan tidak berdiskriminasi dan kesaksamaan. Walaupun Akta PWD memperuntukkan banyak hak-hak, tidak ada penalti atau peruntukan untuk hak pembelaan individu terhadap orang-orang yang mendiskriminasikan orang kurang upaya. Terdapat juga larangan dalam Akta PWD tersebut yang menghalang tindakan undang-undang terhadap kerajaan Malaysia yang melanggar hak orang kurang upaya. Oleh itu, Akta PWD ini dikatakan oleh pengkritik-pengkritik “bagaikan harimau yang tidak bertaring” (toothless tiger).³⁹ Satu lagi cabaran ketara yang dialami adalah kekurangan data statistik secara menyeluruh tentang kanak-kanak yang kurang upaya. Menurut JKM, sejumlah 359,203 orang kurang upaya (dikategorikan dalam orang yang mempunyai visi, pendengaran, pertuturan, fizikal, pembelajaran, mental dan pelbagai ketidakupayaan) telah berdaftar dengan JKM pada tahun 2011.⁴⁰ Walau bagaimanapun, ketepatan data tersebut adalah dipersoalkan kerana angka-angka ini hanya mewakili 1% penduduk Malaysia. Selanjutnya, data ini tidak dipecahkan mengikut umur dan oleh itu tidak dapat diketahui berapa kanak-kanak yang terjejas, dan sama ada keperluan mereka dipenuhi oleh perkhidmatan-perkhidmatan yang sedia ada.

Kanak-kanak kurang upaya **tidak mempunyai akses kepada pendidikan dan perkhidmatan kesihatan yang mencukupi**. KPM membekalkan pendidikan kepada kanak-kanak yang memenuhi tahap piawaian asas penjagaan diri sendiri dan keupayaan untuk belajar, dan kanak-kanak tersebut sama ada menghadiri sekolah-sekolah pendidikan khas (sekolah secara khasnya untuk pelajar kurang upaya), kelas-kelas pendidikan khas dalam sekolah arus perdana, atau kelas-kelas inklusif dalam sekolah-sekolah arus perdana. Kanak-kanak yang tidak memenuhi syarat-syarat KPM ini akan dihantar ke Program Pemulihan Dalam Komuniti yang ditadbir oleh JKM.

Pada Oktober 2012, terdapat 28 buah sekolah rendah pendidikan khas, 2 buah sekolah menengah pendidikan khas, dan 2 buah sekolah menengah khas vokasional di Malaysia.⁴¹ Adalah tidak mungkin bahawa terdapat sekolah-sekolah pendidikan khas yang mencukupi untuk memenuhi keperluan penduduk orang kurang upaya, terutamanya pada tahap sekolah menengah, memandangkan kesemua sekolah ini ditempatkan di kawasan bandar. Selanjutnya, syarat yang digunakan untuk menilai kelayakan untuk memasuki kelas-kelas pendidikan khas adalah tidak jelas kerana KPM tidak mempunyai syarat-syarat atau dasar-dasar sama ada kanak-kanak tersebut harus kekal di dalam atau diasingkan daripada pembelajaran arus perdana. Sebaliknya, keputusan ini bersandar sepenuhnya dengan pentadbiran sekolah, berikutan nasihat daripada guru-guru pendidikan khas sekolah dan kesanggupan guru-guru sekolah untuk membenarkan penyertaan oleh kanak-kanak keperluan khas dalam kelas mereka.⁴²

Satu lagi cabaran utama kanak-kanak kurang upaya adalah berkaitan dengan prinsip **Pendidikan Inklusif**. Sebahagian daripada kesukaran terletak dalam kekurangan sistem sokongan rasmi untuk guru-guru dan pentadbir sekolah untuk melaksanakan pendidikan inklusif. Saiz kelas yang besar, bersama-sama dengan ketiadaan dasar-dasar berpadu tentang pendidikan inklusif, serta kekurangan kerjasama pelbagai agensi, sumber dan perkhidmatan khusus untuk kanak-kanak kurang upaya, telah bermakna bahawa pendekatan ini masih berdasarkan konsep integrasi.⁴³

PENDIDIKAN INKLUSIF

Kanak-kanak dengan keperluan khas harus mempunyai akses kepada sekolah-sekolah inklusif. Sekolah-sekolah teratur yang memperoleh etos yang inklusif merupakan cara yang paling berkesan untuk memerangi sikap berdiskriminasi, mewujudkan komuniti yang mesra, membina satu masyarakat inklusif dan mencapai pendidikan untuk semua

– *The Salamanca Statement on Principles, Policy and Practice in Special Needs Education and a Framework for Action 1994*

Hampir dua dekad selepas menandatangani Rangka Kerja Penyata Salamanca untuk Tindakan Pendidikan Keperluan Khas 1994, banyak lagi perlu dilakukan untuk melaksanakan pendidikan inklusif untuk kanak-kanak dengan keperluan khas di Malaysia, terutamanya kanak-kanak dengan masalah pembelajaran. Pada tahun 2012, dilaporkan bahawa majoriti (89%) pelajar berkeperluan khas yang kini mendaftar di sekolah-sekolah KPM, ditempatkan di dalam kelas pendidikan khas, manakala hanya 6% berada dalam program pendidikan inklusif.

– *Sumber: Preliminary Report: Malaysian Education Blueprint, 2013-2025, September 2012*

Jurang ketara wujud dalam **sistem perkhidmatan kesihatan awam** untuk kanak-kanak kurang upaya, kebanyakannya disebabkan oleh kekurangan pegawai kesihatan yang mahir dan mampu bekerja dengan kanak-kanak kurang upaya dan kekurangan alat saringan yang sesuai untuk diagnosis kekurangan upaya pada tahap awal.⁴⁴ Ibu-bapa juga mengalami kesukaran untuk menghantar kanak-kanak kurang upaya untuk dijaga, terutamanya di kawasan luar bandar, dan perkhidmatan kesihatan hanya percuma kepada kanak-kanak warganegara Malaysia yang mempunyai akses kepada kemudahan-kemudahan kerajaan. PPDK dikatakan merupakan satu “one stop service centre” untuk orang kurang upaya, yang membekalkan pelbagai perkhidmatan, tetapi dalam realiti, perkhidmatan-perkhidmatan tersebut adalah terhad dan telah digambarkan oleh banyak organisasi bukan kerajaan berkenaan hak-hak orang kurang upaya, sebagai pusat-pusat penjagaan harian. Dalam satu tinjauan yang dilakukan dengan guru-guru dan pembekal perkhidmatan kanak-kanak kurang upaya, hanya 3 daripada 22 orang responden menyatakan bahawa PPDK di kawasan mereka membekalkan perkhidmatan intervensi awal.⁴⁵

11. Pelarian, Pencari Suaka dan Kanak-Kanak Migran yang Tidak Teratur

Setakat akhir bulan Oktober 2012, terdapat sekitar 99,970 pelarian dan pencari suaka yang berdaftar dengan UNHCR di **Semenanjung Malaysia**. Antara ini, **lebih kurang 21,890 adalah kanak-kanak di bawah umur 18**.⁴⁶ Satu jumlah orang kebimbangan (persons of concern) kepada UNHCR masih belum berdaftar, tetapi dipercayai dan dianggarkan adalah sebanyak berpuluh-puluh ribu. Di **Malaysia Timur**, kerajaan melaporkan bahawa terdapat 81,000 permit IMM13 telah diberi kepada pelarian dari Filipina selatan dan Indonesia pada tahun 2009, termasuk kanak-kanak berumur lebih 13 tahun.⁴⁷ Jumlah **kanak-kanak migran tidak teratur** di Malaysia tidak diketahui. Walaupun 62,156 kanak-kanak telah berdaftar di Semenanjung Malaysia di bawah program “6P” yang berperingkat pendaftaran biometrik,⁴⁸ berkemungkinan bahawa jumlah sebenar kanak-kanak migran tidak teratur adalah lebih tinggi memandangkan angka tersebut hanya mencerminkan mereka yang berdaftar teratur secara sukarela. Walaupun satu latihan biometrik telah dijalankan di Sabah di bawah program “5P”, adalah tidak jelas berapa kanak-kanak telah berdaftar memandangkan data ini tidak boleh didapati secara awam.

Oleh sebab jumlah penempatan semula yang terhad di seluruh dunia, satu kadar yang besar populasi pelarian yang diiktiraf tinggal dalam keadaan yang kronik di Malaysia, tanpa akses kepada hak-hak, perkhidmatan dan perlindungan. Kerajaan Malaysia tidak menandatangani **Konvensyen Status pelarian 1951 atau protokol 1967** yang sama, dan walaupun terdapat kemajuan yang kecil untuk pelarian dan pencari suaka, kemajuan-kemajuan ini tidak dikanunkan dalam undang-undang atau dasar-dasar bertulis yang membekalkan rangka kerja untuk

melindung hak-hak pelarian dan pencari suaka. Sebaliknya, pelarian dan kanak-kanak pencari suaka, dengan kanak-kanak migran tidak teratur, dianggap sebagai “pendatang haram” di bawah Akta Imigresen Malaysia 1959/1963 dan adalah **terdedah kepada penangkapan, pendakwaan dan penahanan**.

Walaupun permit IMM13 memberi permit kepada pelarian di Sabah untuk kekal di dalam negara dan bekerja dalam industri yang tertentu, permit perlu diperbaharui setiap tahun dan masih tidak ada perbincangan tentang penyelesaian jangka panjang untuk populasi ini. Disebabkan oleh kos yang tinggi untuk memperbaharui permit IMM13 ini, kebanyakan keluarga tidak boleh terus memperbaharui permit mereka dan menyebabkan status undang-undang mereka tidak teratur.

Pelarian, pencari suaka dan kanak-kanak migran tidak teratur dibesarkan di Malaysia dengan **keselamatan atau stabiliti yang minima** dan menghadapi risiko ditangkap dan ditahan oleh pihak berkuasa imigresen. Apabila ditahan di depot imigresen Malaysia, masalah ini boleh mengambil masa sekurang-kurangnya 3 bulan untuk kanak-kanak pelarian dan pencari suaka untuk dibebaskan daripada tahanan. Adalah tidak jelas apakah sebenarnya akan berlaku kepada kanak-kanak migran yang ditahan. Keadaan di depot imigresen secara umumnya teruk, kanak-kanak ditahan bersama dengan orang dewasa dan tidak ada peruntukkan untuk perlindungan kanak-kanak, termasuk kanak-kanak yang tidak diiringi. Begitu juga dengan wanita yang hamil dan bayi-bayi yang tidak diberikan jagaan khas di pusat-pusat penahanan. Temu bual dengan bekas kanak-kanak pelarian yang ditahan mendedahkan bahawa mereka ditahan bersama dengan orang dewasa dan tidak dibekalkan air dan makanan yang mencukupi.

KAJIAN KES

Ahmad (bukan nama sebenar), seorang pelarian budak lelaki berumur 14 tahun, melarikan diri ke Malaysia untuk mengelak rekrut paksaan tentera Burma. Sejurus selepas dia tiba pada akhir tahun 2011, apabila dia berumur 13 tahun, Ahmad telah ditangkap dalam satu serbuan imigresen di Lembah Klang. Pada masa dia ditangkap dan sepanjang masa dia ditahan, Ahmad tidak mempunyai kehadiran dan perlindungan ibu bapanya atau penjaganya. Walaupun dia dibawa ke Mahkamah selepas tangkapannya, dia tidak dibekalkan akses kepada jurubahasa atau peguam, dan tidak faham apa yang sedang berlaku.

Walaupun dia memberitahu pihak berkuasa bahawa dia hanya berumur 13 tahun, dia tidak diberi sebarang perlindungan khas. Sebaliknya, apabila tiba di pusat penahanan, Ahmad dikenakan sebatan di tapak kakinya. Kesakitannya adalah sengit dan dia menjerit dan menangis, dan tidak dapat berjalan selama sehari. Ahmad disimpan dalam sel sempit dengan orang dewasa. Semasa dalam tahanan, dia tidak dibekalkan makanan dan air yang secukupnya dan berasa amat susah hati dan takut. Ahmad menghabiskan lebih kurang 6 bulan dalam tahanan imigresen sebelum dia dilepaskan. Bapa saudara Ahmad berkata bahawa semenjak perlepasan dia, tingkah laku Ahmad bertukar. Dia menjadi lebih senyap dan segan.

Kajian Kes dibekal oleh Malaysian Child Resource Institute

Seperti yang dibincangkan di **akses kepada pendidikan berkualiti** di atas, kanak-kanak pelarian, pencari suaka dan migran tidak mempunyai akses kepada pendidikan rasmi dan perlu menghadiri pusat pembelajaran yang tidak rasmi. Akses kepada perkhidmatan kesihatan turut membimbangkan: walaupun pelarian yang diiktiraf mendapat potongan 50% atas bayaran orang asing di hospital kerajaan, kos perkhidmatan kesihatan masih tinggi. Lebih-lebih lagi kanak-kanak pencari suaka dan migran tidak teratur perlu membayar kadar orang asing sepenuhnya. Ketakutan ditangkap, ditahan dan diganggu oleh pihak berkuasa juga merupakan halangan untuk akses kepada perkhidmatan kesihatan. Keperluan kesihatan mental pelarian dan kanak-kanak pencari suaka kebanyakannya adalah tidak ditangani disebabkan oleh kekurangan pakar kesihatan mental untuk menjaga populasi ini.

12. Kanak-Kanak Tanpa Kerakyatan

Tidak terdapat angka-angka yang tepat atau yang boleh dipercayai tentang bilangan orang tanpa kerakyatan di Malaysia. Walaupun perkara 14(1)(b), bahagian II(1)(e) Jadual Kedua, Perlembagaan Persekutuan telah dinamakan sebagai model peruntukan perundangan untuk pencegahan tanpa kerakyatan, perlindungan-perindungan yang ditawarkan oleh perkara ini tidak dilanjutkan kepada kebanyakan kumpulan kanak-kanak yang tanpa kerakyatan atau yang berisiko tanpa kerakyatan di Malaysia. Walaupun perkara ini memperuntukkan bahawa seorang kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia adalah, melalui kuat kuasa undang-undang, seorang warganegara Malaysia sekiranya beliau “tidak dilahirkan sebagai warganegara di mana-mana negara lain”, kumpulan kanak-kanak terdedah seperti kanak-kanak yang ditinggalkan di JKM tanpa dokumentasi, masih diberi sijil kelahiran yang menetapkan status kewarganegaraan kanak-kanak itu sebagai “bukan warganegara”, walaupun mereka tidak dilahirkan sebagai warganegara mana-mana negara lain. **Kanak-kanak yang dilahirkan di luar nikah** diberi kewarganegaraan ibu mereka, contohnya, kanak-kanak yang dilahirkan oleh bapa warganegara Malaysia dan ibu bukan warganegara Malaysia yang tidak berkahwin tidak dianggap sebagai warganegara. Ini meletakkan kanak-kanak dalam risiko tanpa kerakyatan kerana ibu tersebut sendiri adalah tanpa kerakyatan, atau meninggalkan kanak-kanak tanpa dokumentasi dan tidak dapat dikesan.


Walaupun mereka adalah anak pelihara kerajaan, **kanak-kanak yang ditinggalkan di rumah kebajikan kerajaan** juga dalam risiko tanpa kerakyatan. Dalam beberapa kes, kanak-kanak di rumah JKM tidak memperoleh sijil kelahiran, atau apa-apa bentuk dokumen pengenalan diri untuk memastikan status kerakyatan mereka. Terdapat kanak-kanak yang diberi sijil kelahiran yang menyatakan bahawa status kerakyatan mereka adalah “bukan warganegara”. Pada umur 12, mereka harus memohon kad pengenalan MyKAS berwarna hijau, yang diberi kepada penduduk sementara dan “orang yang kewarganegaraan tidak tertentu”. JPN tidak mempunyai apa-apa bentuk tatacara rasmi untuk mengenal pasti status kewarganegaraan untuk menangani status kewarganegaraan kanak-kanak ini. Sebaliknya, apabila sampai umur 18, kebanyakan penghuni rumah kanak-kanak JKM diberi status “kewarganegaraan tidak tertentu”. Bekas penduduk yang tidak dapat memperbaharui kad pengenalan MyKAS berwarna hijau atau yang tidak dapat kewarganegaraan Malaysia diakibatkan oleh kesukaran mengendalikan prosedur birokratik dan memenuhi keperluan keterangan JPN, serta kesulitan kewangan, akan menjadi tidak berdokumentasi dan secara langsung menjadi “pendatang haram” di bawah undang-undang Imigresen Malaysia.⁴⁹

Sebilangan **kanak-kanak berbangsa India** yang tidak diketahui mempunyai risiko menjadi tanpa kerakyatan di Malaysia disebabkan oleh ketiadaan sijil kelahiran atau dokumen pengenalan. Sebab-sebab mereka tidak memiliki dokumen tersebut termasuk: kekurangan pengetahuan tentang kepentingan dokumen dari segi undang-undang, kesukaran pentadbiran dalam mendapatkan dokumen-dokumen tersebut; masalah kewangan; perkahwinan ibu bapa yang tidak didaftarkan; kanak-kanak dilahirkan di luar nikah; ketiadaan bukti kelahiran dan kanak-kanak terbiar tanpa dokumen pengenalan.⁵⁰

Kanak-kanak yang dilahirkan kepada **ibu bapa orang asing/ pekerja migran** juga mengalami risiko tanpa kerakyatan yang lebih tinggi apabila kelahiran mereka tidak didaftar di pejabat konsulat, dan mereka tidak dapat menjejak negara asal keluarga mereka (contohnya, apabila ibu bapa mereka sendiri adalah tanpa kerakyatan atau apabila ibu bapa mereka telah dihantar balik ke negara asal mereka dan meninggalkan anak mereka di sini). Ini merupakan masalah genting kepada **kanak-kanak keturunan Filipina dan Indonesia di Sabah**, kebanyakan mereka dilahirkan di Malaysia dan tidak mengetahui negara asal mereka. Untuk kanak-kanak Filipina di Sabah, mendaftarkan kelahiran kanak-kanak secara praktiknya adalah tidak berkemungkinan kerana tidak mempunyai konsulat Filipina yang kekal di Sabah. Kedutaan Filipina ada membekalkan konsulat bergerak sekurang-kurangnya satu kali sebulan di tempat berlainan di Sabah, tetapi wakil-wakil daripada komuniti migran telah menyatakan bahawa kesedaran terhadap perkhidmatan yang ditawarkan ini adalah rendah di kalangan komuniti mereka. Bagi migran berketurunan Indonesia di Sabah, terdapat satu konsulat Indonesia di Kota Kinabalu dan Tawau yang membantu memproses dokumentasi identiti orang-orang beribu bapa Indonesia. Walau bagaimanapun, kos perjalanan ke konsulat adalah mahal bagi sesetengah ibu bapa. Akhirnya, kumpulan kanak-kanak yang lain yang dikenali sebagai tanpa kerakyatan di Malaysia adalah **kanak-kanak Rohingya dan kanak-kanak pelarian Palestin** yang tidak dapat memohon kewarganegaraan di tempat lain, dan yang kebanyakan daripada mereka telah lama tinggal dalam pembuangan negara yang berlarutan “*protracted exile*”. Kanak-kanak dari **Bajau Laut**, kumpulan etnik yang tinggal secara kekal di sekeliling pantai timur Sabah, juga dalam risiko tinggi tanpa kerakyatan.

Seperti dengan kanak-kanak pelarian, pencari suaka dan kanak-kanak migran tidak teratur, kanak-kanak tanpa kerakyatan dan yang dalam risiko tanpa kerakyatan secara umumnya tidak mempunyai akses kepada pendidikan rasmi dan mengalami halangan ketara apabila mengakses perkhidmatan kesihatan. Status mereka menjadikan mereka terdedah kepada penderaan, eksploitasi dan dipinggirkan daripada masyarakat arus perdana.

13. Kanak-Kanak yang Hidup dalam Kemiskinan



(Source: United Nations Country Team Malaysia and Economic Planning Unit, Prime Minister's Department Malaysia, Malaysia: The Millennium Development Goals at 2010. NOTE: refers to children under 15 years of age and includes non-citizens)

Walaupun insiden dan jumlah kanak-kanak yang hidup dalam kesulitan ekonomi di Malaysia telah menurun secara ketara sejak dua dekad yang lalu, situasi kanak-kanak yang hidup dalam kemiskinan masih membimbangkan. Setakat tahun 2007, 8.1% kanak-kanak di bawah umur 5 tahun (178,400 kanak-kanak); 9.4% kanak-kanak di bawah umur 15 tahun (724,900 kanak-kanak) dan 10% kanak-kanak di bawah umur 8 tahun (820,000) hidup dalam kemiskinan.⁵¹ Di antara populasi kanak-kanak di bawah umur 15 tahun yang hidup dalam kemiskinan, 285,700 adalah dari kawasan Bandar dan 439,200 dari kawasan luar Bandar.⁵²

Bilangan kanak-kanak yang hidup dalam kemiskinan yang tertinggi adalah dari Negeri Sabah. Kanak-kanak hidup dalam kemiskinan lebih berkemungkinan besar hidup berjauhan dari sekolah dan perkhidmatan kesihatan, dan lebih berkemungkinan besar hidup di perumahan yang **tidak mempunyai bekalan air, elektrik, sanitasi dan pembuangan sisa yang mencukupi**. Kanak-kanak yang hidup dalam kemiskinan juga lebih berkemungkinan **besar tidak menghadiri sekolah, atau berhenti sekolah**. Sebab-sebabnya termasuk: ibu bapa atau penjaga tidak mampu membayar yuran pendaftaran dan/atau kos sampingan seperti kos pengangkutan, seragam sekolah dan bekalan sekolah yang lain; jarak sekolah dari rumah mereka; dan kekurangan minat atau kesedaran terhadap kepentingan pendidikan.⁵³

Walaupun **perkhidmatan kesihatan asas** adalah berpatutan untuk warganegara Malaysia di komuniti luar bandar (hanya RM1.00 untuk perkhidmatan asas), kualiti dan perkhidmatan yang terhad yang dibekalkan oleh klinik-klinik komuniti amat membimbangkan. Sebagai contoh, terdapat laporan bahawa beberapa buah klinik komuniti tidak memperoleh bekalan elektrik atau bekalan air bersih.⁵⁴ Selanjutnya, kebanyakan kanak-kanak yang hidup dalam kemiskinan mati akibat malnutrisi, dan masalah kesihatan preventif yang lain seperti malaria dan penyakit taun oleh sebab kekurangan kesedaran terhadap kepentingan rawatan awal dan masalah mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan yang disebabkan oleh kos pengangkutan yang tinggi dan jarak ke klinik komuniti. Walaupun KKM telah mengambil usaha untuk mendidik ibu bapa (terutamanya ibu-ibu yang hamil) terhadap kepentingan kanak-kanak dan penjagaan kesihatan ibu, banyak lagi perlu dibuat.

Kanak-kanak yang hidup dalam kemiskinan juga mengalami **kesukaran mendaftar kelahiran mereka**. Selanjutnya, disebabkan oleh status sosioekonomi mereka dan dalam kes lain, status tanpa dokumentasi, kebanyakan kanak-kanak yang hidup dalam kemiskinan terus **mengalami kesukaran mendapat akses kepada perkhidmatan perlindungan** dan lebih terdedah kepada penderaan, pengabaian dan eksploitasi. Walaupun Pusat Aktiviti Kanak-kanak (PAKK) telah ditubuhkan di bawah Akta Kanak-kanak untuk kanak-kanak dari komuniti yang menghadapi kesulitan ekonomi dan yang menderita akibat pengabaian ibu bapa; pusat-pusat ini adalah terhad, kekurangan dana dan dilengkapi dengan pekerja atau sukarelawan yang tidak dilatih secara khas untuk mengenal pasti gejala penderaan dan pengabaian.⁵⁵

14. Kanak-Kanak Peri Bumi

Orang Asal di Malaysia diwakili oleh lebih daripada 80 kumpulan etnolinguistik, di mana setiap kumpulan mempunyai budaya, bahasa dan wilayah sendiri. Terdapat kira-kira 4 juta masyarakat peri-bumi dalam negara ini dan mereka adalah populasi yang termiskin di Malaysia. Kanak-kanak Orang Asal **mengalami kesukaran untuk mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti**. Pendaftaran yang rendah, prestasi akademik yang lemah dan kadar berhenti sekolah yang tinggi adalah isu utama yang mempengaruhi kumpulan kanak-kanak ini. Sebab-sebabnya termasuk ketiadaan sekolah di sekeliling penempatan semula; ketiadaan atau kelewatan penghantaran dan pembayaran subsidi pendidikan; ketiadaan penghantaran buku-buku teks dan/atau seragam sekolah; kekurangan tempat dan keadaan asrama yang teruk; perkhidmatan pengangkutan dan jalanan dari rumah ke sekolah yang tidak mencukupi; infrastruktur sekolah yang teruk seperti kekurangan bekalan air bersih, yang mendedahkan komuniti sekolah kepada leptospirosis dan penyakit bawaan air; dan bekalan elektrik yang tidak mencukupi.⁵⁶

Seperti yang dibincangkan dalam **kebebasan berfikir, rasa hati dan beragama** di atas, terdapat kebimbangan terhadap keupayaan kanak-kanak peribumi untuk menikmati hak mereka terhadap agama. Kanak-kanak peribumi di Malaysia juga terus **mengalami kesukaran mengakses kepada perkhidmatan kesihatan asas dan preventif**, yang disebabkan oleh keadaan jalanan yang teruk, kekurangan pengangkutan, dan jarak dari kampung ke kemudahan kesihatan. Kekurangan akses ini mempengaruhi secara negatif kesihatan kanak-kanak dan ibu dan mengakibatkan kenaikan **kadar kematian bayi** yang disebabkan oleh keadaan kesihatan yang boleh dirawat seperti malaria, malnutrisi, anemia dan komplikasi kelahiran. Walaupun kadar kematian bayi kebangsaan telah menurun sejak tahun 2009, ia kekal tinggi di kalangan kanak-kanak Orang Asli di Semenanjung Malaysia (pada kadar 51.7 setiap 1000 kelahiran).⁵⁷

FAKTA UTAMA

Kanak-kanak Orang Asli adalah 5 kali berkemungkinan mati dalam bulan pertama dilahir berbanding dengan kanak-kanak lain di Malaysia.

Sumber: Amar Singh-HSS., Pakar Kanak-Kanak, Hospital Ipoh

Walaupun Malaysia adalah negara membangun, **kebanyakan kanak-kanak Orang Asal terus mati akibat malnutrisi**. Dalam kajian 2008 tentang kanak-kanak Orang Asli dari sekolah rendah di negeri Pahang, ia ditunjukkan bahawa 150 (daripada 167) kanak-kanak berumur 7 hingga 10 tahun dan 66 (daripada 74) kanak-kanak berumur 10 hingga 12 tahun mempunyai kekurangan berat badan yang sederhana atau ketara, dan selanjutnya 70 (daripada 74) kanak-kanak berumur 10 tahun ke atas mengalami pertumbuhan terbantut yang sederhana ke yang ketara.⁵⁸ Satu kajian dengan kanak-kanak Orang Asli yang dimasukkan ke jabatan Pediatrik Hospital Ipoh dari Januari hingga Disember 2007 (123 kanak-kanak) dan dari Januari sehingga Jun 2008 (64 kanak-kanak) mendedahkan bahawa kadar malnutrisi di kalangan kanak-kanak ini telah meningkat dari 30.8% (pada tahun 2007) kepada 53% (pertengahan 2008).⁵⁹

Banyak kanak-kanak daripada komuniti peribumi **terus hidup dalam keadaan yang teruk**. Setakat 2010 kira-kira 130,576 isi rumah Orang Asli di Semenanjung Malaysia hidup dalam kemiskinan dan kira-kira 45,963 isi rumah ini hidup dalam kemiskinan tergar.⁶⁰ Kebanyakan kanak-kanak peribumi tidak mempunyai akses kepada bekalan air bersih, yang meningkatkan insiden-insiden penyakit berjangkit seperti penyakit taun dan penyakit tifoid; dan kehilangan tanah pula menyebabkan kehilangan sumber makanan (termasuk protein).

Perspektif dari Komuniti Orang Asli

“Rumah yang dibekali bagai reban ayam. Kami tidak mempunyai bekalan elektrik atau air bersih”
“Perut Orang Asli adalah penuh... penuh dengan habuk yang kami menyedut dari pembalakan yang berterusan”

Temubual dengan Komuniti Orang Asli dari Semenanjung Malaysia, Jun 2012

15. Kanak-Kanak Jalanan

Tidak banyak yang diketahui **tentang bilangan, profil demografi dan keperluan perlindungan** kanak-kanak jalanan di Malaysia. Walaupun terdapat sebilangan besar kanak-kanak jalanan dipercayai tinggal terutamanya di Kuala Lumpur dan Sabah, Gabungan tidak sedar tentang program kerajaan atau masyarakat yang cuba memahami dan menangani punca kanak-kanak menjadi kanak-kanak jalanan. Tidak terdapat strategi kebangsaan yang komprehensif untuk menangani keadaan kanak-kanak jalanan dan usaha-usaha untuk membekalkan perlindungan, perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan perkhidmatan sosial lain adalah sungguh terhad. Sebahagian besar masalahnya adalah kerana **sikap orang awam yang negatif** terhadap kanak-kanak jalanan; terutamanya di Sabah, kewujudan orang bukan warganegara di negeri tersebut adalah amat dipolitikkan dan merupakan isu yang amat genting. Migran, termasuk kanak-kanak jalanan tanpa kerakyatan atau dalam risiko tanpa kerakyatan, telah disasarkan dan dipersalahkan sebagai punca masalah sosial dalam negeri tersebut. Sikap negatif sedemikian telah menjadikannya semakin sukar untuk menangani keadaan kanak-kanak jalanan dalam negeri Sabah.

Kebanyakan kanak-kanak jalanan dipercayai **kekurangan dokumentasi identiti**, termasuk sijil kelahiran. Ini secara ketaranya telah menjejaskan akses mereka kepada perkhidmatan kesihatan dan pendidikan, serta menjadikan mereka terdedah kepada eksploitasi dan penderaan. Terdapat juga laporan bahawa kanak-kanak jalanan ditangkap dan ditahan kerana status ketiadaan dokumentasi. Ia adalah tidak jelas berapa lama kanak-kanak ini ditahan dan sama ada sesiapa daripada mereka telah dihantar pulang.

16. Kanak-Kanak LGBTIQ

Retorik mengenai layanan terhadap orang LGBTIQ menjadi bermasalah kebelakangan ini dengan panggilan antarabangsa untuk melindungi dan menggalakkan hak-hak orang LGBTIQ sebahagian besarnya diendahkan. Program-program yang dimulakan dan dipersetujui oleh kerajaan untuk “mendedahkan” dan menghukum kanak-kanak LGBTIQ di Malaysia telah mewujudkan persekitaran pendidikan di mana martabat kanak-kanak tersebut tidak dihormati, dan diskriminasi atas dasar SOGI adalah digalakkan. Di sekolah kerajaan, apabila heteronormatif diinstitusikan dan dikuatkuasakan, laporan-laporan yang membimbangkan telah muncul dengan guru-guru sekolah telah diberi arahan untuk mengenal pasti kanak-kanak yang tidak mematuhi jantina dan memaksa pemulihan dan langkah-langkah punitif yang lain dijalankan. Ibu bapa juga digalakkan menghantar kanak-kanak tidak mematuhi jantina untuk “kaunseling pembedahan” (“corrective counseling”).

FAKTA UTAMA

Pada April 2011, 66 orang budak lelaki beragama Islam telah dipilih oleh guru sekolah kerana bersifat keperempuanan di Terengganu dan dihantar ke kem pembedahan. Apabila disoal, Ketua Jabatan Pendidikan mengatakan bahawa kem-kem pembedahan ini adalah “diarahkan untuk meningkatkan harga diri kanak-kanak ini yang jelasnya menghadapi krisis mengenal diri”.⁶¹

Di sekolah kerajaan, **hukuman koperal** digunakan sebagai satu bentuk hukuman untuk homoseksual atau perengai yang dianggap sebagai homoseksual. Menjadi homoseksual atau mempunyai “pengeliruan jantina” dianggap sebagai satu “kesalahan yang serius” dan pelajar-pelajar akan disebat (1-3 kali atas punggung yang berpad dengan menggunakan rotan) atau mengalami bentuk hukuman tidak-berkoperal yang lain.⁶² Program-program anti-LGBTIQ dan seminar keibubapaan juga dijalankan di sekolah yang menggalakkan sikap tidak bertoleransi dan buli di kalangan pelajar sekolah.

Diskriminasi terhadap orang LGBTIQ bermaksud bahawa kanak-kanak daripada komuniti transgender enggan mendapatkan **perkhidmatan kesihatan** dari hospital-hospital kerajaan. Akhirnya, kanak-kanak LGBTIQ juga menghadapi kesukaran mengakses **perkhidmatan perlindungan kanak-kanak** dan adalah lebih terdedah kerana mereka sering kali didiskriminasikan, dipulaukan, dibuat berasa salah disebabkan oleh siapa mereka, dan dasingkan dari bantuan dan perlindungan dari penderaan dan eksploitasi. Terdapat juga kecenderungan untuk mengabaikan atau membiarkan penderaan yang dilakukan ke atas kanak-kanak yang tidak mematuhi jantina atau yang varian jantina, yang lebih bersifat perempuan (bagi budak lelaki) atau lebih berkelakuan maskulin (bagi budak perempuan), berbanding dengan kanak-kanak lain.

KAJIAN KES

M telah disingkir dari sekolah menengahnya apabila dia berumur 16 tahun. Ini berlaku apabila pentadbir sekolahnya mendapati bahawa dia mempunyai hubungan dengan rakan sekolah perempuan. M telah digantung dari asrama sekolah yang dia sedang tinggal pada masa itu, dan telah diberitahu oleh gurunya bahawa: “kamu mempunyai penyakit. Saya tidak mahu kamu tinggal di dalam asrama ini kerana kamu akan merebakkan penyakit ini kepada orang lain”. M juga diarahkan oleh guru besar untuk berjumpa dengan psikiatri. Akibat oleh tindakan pentadbiran sekolah, M tidak dibenarkan untuk menduduki peperiksaan Tingkatan 5 di sekolah tersebut.

Kajian Kes dibekalkan oleh Thilaga Sulathireh, sebagai sebahagian penyelidikan yang dijalankan oleh Knowledge and Rights with Young People through Safer Spaces (KRYSS)

17. Kanak-Kanak dalam Konflik dengan Undang-Undang

Perlindungan penting yang direka untuk melindungi hak kanak-kanak dalam sistem keadilan jenayah telah diperkenalkan. Namun demikian, terdapat jurang-jurang utama yang masih perlu ditangani. Di bawah Kanun Keseksaan, **umur minima bagi tanggungjawab jenayah masih kekal pada umur 10 tahun**, yang bercanggah dengan cadangan-cadangan dari PBB mengenai Hak-hak Kanak-kanak. Terdapat juga percanggahan yang berterusan antara Kanun Keseksaan dan Undang-undang Syariah mengenai usia minimum bagi tanggungjawab jenayah. Akta Kanak-kanak yang memperuntukkan kesemua aspek sistem jenayah juvana, mempunyai canggah dan jurang mengenai perlindungan kanak-kanak, termasuk sebagai contohnya, perlindungan yang kurang diberikan kepada kanak-kanak yang: (i) menjadi 18 tahun semasa perjalanan prosiding; (ii) hanya didakwa untuk kesalahan selepas mereka menjadi 18 tahun, walaupun kesalahan telah dilakukan semasa mereka di bawah umur 18 tahun; (iii) didakwa dengan jenayah yang amat serius (kesalahan hukuman mati); atau (iv) didakwa bersama dengan orang dewasa. Walaupun Akta Kanak-kanak memperuntukkan bahawa pesalah juvana mesti ditangkap, ditahan dan dibicarakan menurut Akta tersebut, Akta tersebut tidak menjelaskan tatacaranya dengan jelas. Kanak-kanak amat bergantung kepada rahmat pegawai yang membuat tangkapan dan pegawai mahkamah yang terlibat dengan kes mereka. Isu-isu utama yang didapati pada **peringkat tangkapan, soal siasat dan ikat jamin** termasuk: kegagalan polis menghubungi ibu bapa atau penjaga kanak-kanak yang ditangkap; kekurangan akses kepada perkhidmatan peguam; pegawai akhlak JKM tidak terlibat sehingga kanak-kanak dibawa ke Mahkamah; dan polis menggunakan paksaan semasa tangkapan dan soal siasat.⁶³

Kanak-kanak boleh **di reman atau ditahan pra-bicara** untuk tempoh yang panjang dan tidak dasingkan daripada pesalah dewasa. Sebab-sebab tempoh reman kanak-kanak yang panjang termasuk: ketidakupayaan atau ketidakinginan ibu bapa untuk mengikat jamin; kelewatan polis untuk menghabiskan siasatan; persidangan mahkamah yang tidak tertentu; dan penangguhan bicara mahkamah. Semasa di reman, kanak-kanak mengalami

kebebasan bergerak yang terhad dan ketara, dan mempunyai akses kepada pendidikan yang lebih kurang berbanding dengan kanak-kanak yang sedang menjalani hukuman di penjara. Kanak-kanak yang di reman biasanya tidak diasingkan daripada kanak-kanak yang disabit.

Walaupun kemajuan yang ketara telah dicapai dalam mewujudkan **prosiding mahkamah yang berasingan untuk kanak-kanak**, beberapa jurang masih kekal. Mahkamah Kanak-kanak di pengaruhi oleh seorang majistret yang seringnya seorang siswazah baru, agak muda dan seorang peguam yang tidak berpengalaman. Ia tidak wajib bagi majistret, kerani mahkamah dan pendakwa awam yang dilantik ke Mahkamah Kanak-kanak untuk menjalani latihan khusus tentang kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang dan keadilan juvana. Prosiding di mahkamah kanak-kanak tidak selalunya dijalankan dalam keadaan di mana kanak-kanak adalah dibenarkan untuk menyertai secara sepenuh atau bersuara dengan bebas.

Sistem keadilan juvana di Malaysia masih amat tertumpu kepada campur tangan rasmi yang berasaskan **polis dan mahkamah, dan pemulihan berasaskan institusi**. Malaysia kini tidak mempunyai sebarang undang-undang atau dasar yang diarahkan untuk menggalakkan **program keadilan pemulihan** (restorative justice), termasuk program lencongan untuk kanak-kanak. Hukuman penahanan biasanya diberikan dan tidak merupakan langkah terakhir kepada kanak-kanak dalam konflik dengan undang-undang. Walaupun hukuman penjara digunakan secara berhati-hati terhadap kanak-kanak, hukuman menghantar mereka ke Asrama Akhlak atau Sekolah yang diluluskan lebih kerap dikenakan, di mana kanak-kanak boleh ditahan selama 3 tahun untuk kesalahan-kesalahan kecil. Ini jelas tidak selaras dengan **prinsip perkadaran** yang dinyatakan dalam Perkara 5 ("Peraturan Beijing") dan Perkara 40 CRC. Hukuman tetap sedemikian bukan sahaja tidak seimbang dengan kesalahan yang dilakukan, tetapi juga lebih tegas daripada hukuman yang diterima oleh orang dewasa bagi jenayah yang sama. Keputusan untuk menahan kanak-kanak di institusi seolah-olah dibuat bukan atas prinsip langkah terakhir, tetapi sebaliknya bergantung ke atas keupayaan dan kesediaan ibu bapa untuk menjaga kanak-kanak dan menandatangani satu ikat jamin untuk kanak-kanak, dan persekitaran hidup kanak-kanak tersebut.

Hasilnya, kanak-kanak ditahan bagi jenayah yang kecil dan bukan ganas. Pada Julai 2011, KPWKM mengumumkan bahawa Akta Kanak-kanak akan dipinda untuk membenarkan pesalah-pesalah kanak-kanak yang melakukan jenayah kecil, peluang untuk membuat perkhidmatan komuniti berbanding dengan ditahan atau dipenjarakan. Ini merupakan satu gerak yang positif, namun setakat November 2012, ia belum direalisasikan.

Semasa dalam tahanan, kanak-kanak tidak bermanfaat dari **pendekatan terhadap rawatan atau pemulihan yang keindividuan**; sebaliknya, pendekatan pemulihan adalah, kebanyakannya diutamakan kepada disiplin dan arahan keagamaan. Walaupun Sekolah Integriti mewakili satu langkah ke hadapan yang ketara oleh Jabatan Penjara untuk membekalkan kanak-kanak dalam tahanan **akses kepada pendidikan**, ini tidak didapati oleh kanak-kanak perempuan yang ditahan di institusi Jabatan Penjara. Selanjutnya, pendidikan bagi kanak-kanak yang ditahan di institusi JKM adalah jauh kurang berstruktur dan terhad dalam ketersediaan dan kualiti. Akhirnya, sokongan integrasi untuk kanak-kanak berikutan pembebasan mereka perlu diperkukuhkan. Sistem terkini hanya bertumpu kepada pemantauan dan pengawasan kanak-kanak yang pernah ditahan dan bukannya memperuntukkan **sokongan integrasi** semula yang menyeluruh.

18. Cadangan Utama

A. Cadangan Utama kepada Kerajaan Malaysia

Rangka Kerja Antarabangsa dan Prinsip-prinsip Am

1. Menarik balik semua tempahan terhadap CRC dan memasukkan peruntukkan dalam semua undang-undang domestik untuk merangkumi CRC ke dalam undang-undang Malaysia. Pembaharuan undang-undang domestik dan dasar-dasar untuk memastikan kesepadannya dengan prinsip-prinsip dan peruntukkan-peruntukkan terhadap CRC.
2. Menegakkan prinsip tanpa diskriminasi dengan sepenuhnya dan memastikan bahawa ini dilanjutkan kepada semua kanak-kanak dalam bidang kuasa Malaysia, termasuk terutamanya, kumpulan kanak-kanak terpinggir dan terdedah.

3. Menggunakan dan menyelaraskan prinsip “kepentingan terbaik kanak-kanak” dalam pelaksanaan undang-undang, dasar-dasar dan program-program kerajaan, dan di dalam keputusan pentadbiran dan kehakiman yang mempunyai kesan terhadap kanak-kanak, tanpa mengira kewarganegaraan dan status imigrasi di Malaysia.
4. Menetapkan umur minimum untuk berkahwin sebagai 18 tahun bagi kanak-kanak lelaki dan perempuan, tanpa pengecualian.
5. Meminda semua undang-undang berkenaan dengan hukuman mati dan hukuman penjara seumur hidup terhadap kanak-kanak.
6. Memastikan bahawa pandangan kanak-kanak didengar dan diambil kira secara sistematik dalam semua keputusan kehakiman, pentadbiran, dan keputusan lain yang melibatkan mereka. Memasuki pindaan khusus terhadap Akta Kanak-kanak untuk memperuntukkannya.
7. Menubuhkan sistem yang telus untuk memantau dan meninjau secara berterusan status hak kanak-kanak dalam negara ini. Mengemukakan laporan berkala kepada parlimen dan kepada orang awam terhadap status pelaksanaan Pelan Tindakan Negara.
8. Membangunkan satu bajet kanak-kanak untuk mengenal pasti perkadaran antarabangsa dan bajet lain-lain kepada sektor sosial, dan khasnya untuk kanak-kanak, secara langsung dan tidak langsung.
9. Meratifikasi atau menyertai instrumen-instrumen antarabangsa dan memasukkan peruntukan dalam semua undang-undang domestik untuk merangkumi peruntukan-peruntutannya ke dalam undang-undang Malaysia:
 - Konvensyen 1951 mengenai Status pelarian dan Protokol 1967
 - Konvensyen 1954 mengenai Status Orang tanpa kerakyatan dan Konvensyen 1961 mengenai Pengurangan Ketiadarakyatan
 - Konvensyen Antarabangsa 1990 mengenai Perlindungan Hak-hak Pekerja Migran dan Ahli Keluarga Mereka
 - Konvensyen Antarabangsa 1965 mengenai Penghapusan semua Bentuk Diskriminasi terhadap Kaum
 - Konvensyen Hague 1993 mengenai Perlindungan kanak-kanak dan Kerjasama berkenaan Pengangkatan di antara Negara
 - Sekurang-kurangnya instrumen-instrumen hak asasi manusia yang asas, iaitu Konvensyen Antarabangsa 1966 mengenai Hak Sivil dan Politik dan Perjanjian Antarabangsa 1966 mengenai Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan

Pendaftaran Kelahiran dan Ketidakrakyatan

10. Melaksanakan sistem pendaftaran kelahiran percuma di semua peringkat dan meliputi semua wilayah di Malaysia, termasuk melalui penggunaan pusat pendaftaran kelahiran bergerak. Semua kanak-kanak, tanpa mengira status undang-undang, boleh mengakses pendaftaran kelahiran dan keperluan pentadbiran dan undang-undang yang terlalu membebankan dan yang boleh mengakibatkan ketiadaan kerakyatan harus dikeluarkan.
11. Melaksanakan Perkara 14(1)(b) Bahagian II(1)(e) Jadual kedua Perlembagaan Persekutuan dengan sepenuhnya untuk mengelakkan ketiadaan kerakyatan kanak-kanak.
12. Membenarkan ibu bapa Malaysia mengurniakan kewarganegaraan kepada anak mereka, tanpa mengira status perkahwinan mereka.

Kebebasan Bersuara dan Kebebasan Berkumpul

13. Melanjutkan hak-hak kebebasan bersuara dan kebebasan berkumpul kanak-kanak secara kesaksamaan, tanpa mengira bangsa, agama dan orientasi seksual dan jantina, di antara sekolah dan di luar sekolah, dan mengeluarkan semua rintangan birokratik untuk menikmati hak-hak ini sepenuhnya.

Sokongan Keluarga dan Penjagaan Alternatif

14. Membina satu pendekatan yang lebih berstruktur dan kepimpinan terhadap kemahiran keibubapaan positif yang melibatkan kesemua komuniti tanpa mengira status undang-undang dan latar belakang sosial-ekonomi mereka dan menggalakkan langkah-langkah berdasarkan tindakan yang mengukuhkan kepentingan penjagaan berdasarkan keluarga, dengan membekalkan sokongan psikososial dan bantuan kewangan apabila diperlukan. Bekerja dengan organisasi-organisasi bukan kerajaan yang kini sedang bekerja dengan komuniti terpinggir dan komuniti jauh untuk memastikan bahawa pendidikan kemahiran keibubapaan positif didapati oleh kesemua kalangan masyarakat.
15. Mengujudkan perbadanan bebas untuk menjalankan pemantauan dan penilaian berkala terhadap institusi penjagaan alternatif swasta dan kerajaan untuk memastikan institusi ini memenuhi piawaian penjagaan minimum. Menjadikan semua institusi penjagaan alternatif secara mandatori memperoleh dasar perlindungan kanak-kanak dan melaksanakannya sebelum mereka diberi lesen untuk beroperasi. Membekalkan latihan tentang pelaksanaan Dasar Perlindungan Kanak-kanak kepada organisasi yang belum menerima latihan ini.
16. Mengkaji dan meminda undang-undang pengangkatan, terutamanya mengukuhkan proses kajian terhadap ibu bapa angkat yang berpotensi dan menyeragamkan proses secara am. Member pertimbangan terhadap memendekkan tempoh menunggu selama 2 tahun terhadap pengangkat kanak-kanak Islam.

Keganasan, Penderaan, Pengabaian, Penganiayaan dan Eksploitasi

17. Membina protokol antara agensi untuk koordinasi di antara Pelindung Kanak-kanak, polis, pegawai kesihatan, organisasi bukan kerajaan dan pembekal perkhidmatan yang lain yang mengendali semua kes-kes keganasan, penderaan, pengabaian, penganiayaan, dan eksploitasi kanak-kanak. Protokol-protokol ini harus menentukan peranan dan tanggungjawab, proses dan tatacara membuat laporan, menyasat, mendakwa dan merujuk kes-kes penderaan, dan berkongsi maklumat di antara agensi-agensi, dan harus disebarkan kepada masyarakat sivil secara meluas.
18. Membekalkan kesemua kanak-kanak, tanpa mengira status undang-undang, etnik, latar belakang sosioekonomi, fizikal dan/atau keupayaan mental, dan kewarganegaraan, akses kepada sistem perlindungan kebangsaan secara saksama dan tanpa diskriminasi. Melatih semua agensi pelaksanaan perlindungan kanak-kanak untuk mencapai tahap tersebut.
19. Membasmi hukuman koperal (sebatan) terhadap pesalah kanak-kanak, termasuk mereka di bawah Undang-undang Syariah, dan melarang secara perundangan semua bentuk hukuman koperal di sekolah dan di rumah.
20. Menjalankan kajian yang komprehensif untuk menilai sifat dan magnitud pemerdagangan kanak-kanak dalam Malaysia dan merentasi sempadannya. Mewujudkan langkah-langkah anti-permedagangan yang khusus untuk mangsa kanak-kanak pemerdagangan yang menjaga kepentingan terbaik mereka. Langkah-langkah ini harus termasuk sokongan psikologi, pemulihan dan sokongan integrasi semula. Menjalankan tatacara pengesahan umur yang tepat untuk memastikan bahawa kanak-kanak yang diperdagangkan dapat dikenal pasti.

Kesihatan

21. Mematuhi perkara 24 CRC dan memastikan bahawa tiada kanak-kanak dilucutkan haknya untuk mendapat perkhidmatan kesihatan. Membekalkan akses percuma dan saksama kepada perkhidmatan kesihatan asas dan perkhidmatan kesihatan pencegahan am, termasuk penjagaan pesakit dan ambulatori, kepada SEMUA kanak-kanak yang tinggal di Malaysia, tanpa mengira status undang-undang mereka.

22. Menjalankan kajian menyeluruh untuk mengenal pasti keperluan kesihatan mental kanak-kanak Malaysia. Meningkatkan usaha-usaha untuk melatih lebih banyak pakar kesihatan mental dan memastikan akses kepada penjagaan dan kaunseling kanak-kanak ditingkatkan dengan mempunyai lebih banyak pusat remaja di komuniti luar bandar dan meningkatkan publisiti perkhidmatan kaunseling di pusat-pusat ini.
23. Menggabungkan Pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif yang tidak menilai ke dalam kurikulum sekolah sebagai modul rasmi, serta dalam institusi-institusi latihan perguruan. Pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif harus merangkumi bukan sahaja kesihatan dan biologi secara am, tetapi juga hubungan yang sihat, seksualiti dan amalan seksual yang sihat, termasuk untuk Kanak-kanak bukan heteroseksual, tanpa selanjutnya berstigma atau mendiskriminasikan mereka.

Pendidikan

24. Menjamin prinsip pendidikan kos percuma, tanpa mengira kewarganegaraan dan status imigresen, sekurang-kurangnya dalam hal pendidikan rendah, dengan sambungan secara beransur-ansur ke peringkat menengah. Sehingga masa akses sejagat kepada pendidikan tanpa diskriminasi atas dasar kewarganegaraan dan status imigresen dicapai, organisasi bukan kerajaan dan pusat-pusat pembelajaran berdasarkan komuniti harus diiktiraf, dan kanak-kanak yang menghadiri pusat-pusat ini harus dibenarkan menduduki peperiksaan rasmi.
25. Meletakkan pentadbiran pra-sekolah dan pusat jagaan kanak-kanak di bawah bidang kuasa satu kerajaan atau badan, dan menyelaraskan tatacara untuk pendaftaran dan kelayakan pusat-pusat ECCE dan menjalankan pemeriksaan tetap terhadap pusat-pusat ECCE ini. Memastikan kesemua guru-guru pra-sekolah memegang sekurang-kurangnya Diploma dalam Pendidikan Awal kanak-kanak, dan membekalkan latihan dan sumber-sumber yang sewajarnya kepada mereka, termasuk subsidi pendidikan untuk mencapai matlamat ini.
26. Memastikan sekolah-sekolah membekalkan persekitaran yang selamat dan membina untuk semua kanak-kanak, tanpa mengira orientasi seksual dan jantina mereka.

Kanak-Kanak Kurang Upaya

27. Memastikan kesemua kanak-kanak kurang upaya mendapat akses kepada pendidikan percuma dan sebanyak mungkin, mengintegrasikan mereka ke dalam sekolah-sekolah dan kelas-kelas arus perdana dengan berkesan. Membekalkan dana supaya kanak-kanak kurang upaya mendapat akses kepada sekolah arus perdana dengan menaik taraf kemudahan fizikal dan membekalkan sokongan kepada guru, para terapi dan kakitangan lain, dan dengan memberi latihan kepada para guru tentang kesedaran terhadap mereka yang kurang upaya dan pendidikan asas tentang keperluan khas dan membangunkan kaedah-kaedah penilaian dan pengajaran yang alternatif.
28. Menyediakan "one stop centers" di setiap daerah dengan pakar penjagaan kesihatan yang mahir untuk membekalkan jagaan kesihatan kepada kanak-kanak kurang upaya. Membekalkan saringan dan pengesanan awal kepada kanak-kanak kurang upaya pada usia awal, dan memastikan bahawa kanak-kanak yang disahkan sebagai kurang upaya diberi akses kepada intervensi awal dan program-program pemulihan yang percuma.

Pelarian, Pencari Suaka dan Kanak-Kanak Migran tanpa Dokumentasi

29. Tahanan imigresen bukan dalam kepentingan terbaik kanak-kanak. Apabila penahanan imigresen adalah diwajibkan, memastikan bahawa ia digunakan hanya sebagai langkah terakhir dan hanya untuk masa yang paling singkat.
30. Menjalankan kajian mendalam terhadap kanak-kanak migran berdokumentasi dan tanpa dokumentasi yang hidup di Malaysia dan menentukan jumlah mereka, profil demografi, dan apakah keperluan perlindungan mereka, termasuk kelaziman dan magnitud buruh dan eksploitasi kanak-kanak.

Kanak-Kanak yang Tinggal dalam Kemiskinan

31. Mengambil langkah-langkah yang kukuh untuk membantu kanak-kanak dan keluarga yang hidup dalam kemiskinan, termasuk: meningkatkan kesedaran di antara ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan dan menghapuskan bayaran dan kos sampingan untuk menghadiri sekolah; menambah bilangan klinik komuniti dan klinik bergerak untuk memastikan akses kepada jagaan kesihatan asa dengan lebih mudah; membekalkan pendidikan kepada ibu bapa terhadap kesihatan dan nutrisi kanak-kanak; dan meningkatkan perkhidmatan yang dibekalkan di Pusat Aktiviti Kanak-kanak dengan menambahkan dana dan membekalkan pekerja yang terlatih untuk mengenal pasti kes-kes pengabaian dan penderaan.

Kanak-Kanak Peribumi

32. Memastikan ibu bapa peribumi dapat memberikan anak-anak mereka nama pilihan mereka sendiri, dan bahawa hak kanak-kanak untuk mengekalkan identiti sendiri dipelihara.
33. Terus meningkatkan kesedaran Pengisytiharan PBB mengenai Hak Masyarakat Peribumi di kalangan masyarakat umum serta badan kehakiman dan pegawai-pegawai kerajaan. Membangunkan dan menjalankan kempen kesedaran awam untuk memerangi sikap negatif dan salah faham tentang masyarakat peribumi dengan penyertaan masyarakat dan kanak-kanak peribumi.

Kanak-Kanak Jalanan

34. Menjalankan satu kajian yang komprehensif di seluruh negara yang melihat ke dalam magnitud keadaan kanak-kanak jalanan di dalam negara termasuk berikut: bilangan kanak-kanak jalanan di Semenanjung dan Timur Malaysia yang tepat; faktor-faktor am yang menyebabkan kanak-kanak menjadi kanak-kanak jalanan; cabaran-cabaran khusus yang dihadapi oleh kanak-kanak jalanan seperti akses kepada perkhidmatan dokumentasi, sosial, kesihatan dan pendidikan yang mencukupi, dan risiko yang dihadapi oleh kanak-kanak jalanan seperti ekonomik dan seksual eksploitasi, penderaan, dan tangkapan dan penahanan yang menyalahi undang-undang.

Kanak-Kanak dalam Konflik dengan Undang-Undang

35. Meningkatkan umur minimum bagi kebertanggungjawaban jenayah kepada sekurang-kurangnya 12 tahun dan memastikan umur minimum adalah sejagat dan digunakan di seluruh sistem undang-undang jenayah Malaysia dengan segera. Meluaskan skop perlindungan keadilan juvena untuk semua kanak-kanak di bawah umur 18 tahun pada masa kesalahan itu dilakukan.
36. Meminda Akta Kanak-kanak dengan memasuki peruntukan terperinci untuk melindungi hal kanak-kanak semasa penangkapan, penyiasatan dan semasa dalam tahanan polis. Peruntukan sedemikian harus termasuk sekurang-kurangnya perlindungan berikut: (a) kehendak bahawa ibu bapa, penjaga, peguam, pegawai akhlak atau orang sokongan yang lain hadir apabila seorang kanak-kanak disoal siasat oleh polis (b) sekatan ke atas tempoh masa kanak-kanak boleh ditahan dalam tahanan polis.
37. Memperkenalkan program lencongan dan nyatakan dalam undang-undang dan/atau dasar, jenis kesalahan di mana lencongan boleh digunakan dan kriteria atau tatacara untuk membuat keputusan.
38. Memperkenalkan dan melaksanakan had masa yang ketat untuk menyelesaikan kes-kes kanak-kanak, terutamanya bagi kanak-kanak dalam reman.
39. Memastikan bahawa penahanan adalah digunakan sebagai langkah terakhir dan untuk tempoh masa yang paling pendek, dan hukuman adalah selaras dengan prinsip perkadaran.

B. Cadangan Utama kepada Sektor Swasta

1. Menghormati prinsip-prinsip dan dasar-dasar CRC dan mengambil kiranya di dalam aktiviti-aktiviti dan perhubungan perniagaan. Apabila berkonsepkan, meminda dan menilai program-program, merujuk secara khusus kepada empat Prinsip Am CRC yang mengambil berat tentang tidak berdiskriminasi, kepentingan terbaik kanak-kanak, hak untuk hidup, dan membangun, dan hak kanak-kanak untuk bersuara secara bebas dan pandangannya diberi keprihatinan menurut usia dan kematangan kanak-kanak.
2. Penilaian Kesan Sosial (Social Impact Assessment) harus dijalankan seboleh mungkin untuk menilai kesan sebenar operasi perniagaan syarikat ke atas masyarakat, dan mengambil langkah untuk menyingkirkan kesan negatif tersebut.
3. Bagi organisasi-organisasi yang membekalkan perkhidmatan kepada kanak-kanak dan masyarakat, meningkatkan ketelusan perniagaan dengan, antara lain, melibatkan kanak-kanak dalam proses berdialog dan perundingan yang berterusan, dan memasuki mereka ke dalam proses membuat keputusan dan, apabila sesuai, dalam dasar perkhidmatan. Ini terutamanya untuk masyarakat terdedah dan terpinggir, termasuk mereka yang tinggal di luar bandar. Ini adalah diperlukan untuk memastikan bahawa perkhidmatan dibekali dengan cara yang sesuai dengan ketersediaan, akses dan kualiti semua kumpulan kanak-kanak dijamin.
4. Dalam bekerja dengan isu hak-hak kanak-kanak, sektor swasta harus bergerak daripada tanggungjawab sosial korporat dan pendekatan dermawan kepada pendekatan berdasarkan hak. Bekerja secara progresif untuk menggabungkan 10 Prinsip ke atas Hak Kanak-kanak dan Perniagaan, yang dianjurkan oleh UN Global Compact, UNICEF dan Save the Children yang menetapkan piawaian untuk perniagaan mesra untuk kanak-kanak dan membimbing syarikat-syarikat ke tindakan-tindakan yang menghormati dan menyokong hak kanak-kanak di tempat kerja, pasaran (termasuk keseluruhan pengurusan bekalan rantai) dan komuniti.

C. Cadangan Utama kepada Organisasi Bukan Kerajaan

1. Menegakkan prinsip-prinsip dan dasar-dasar CRC, terutamanya berkenaan dengan 4 Prinsip Am CRC tentang tidak berdiskriminasi, kepentingan terbaik kanak-kanak, hak untuk hidup, dan membangun, dan hak kanak-kanak untuk bersuara secara bebas dan pandangannya diberi keprihatinan menurut usia dan kematangan kanak-kanak.
2. Dalam dasar perkhidmatan dan usaha advokasi, memastikan bahawa kanak-kanak secara aktif dan sistematik dirunding dalam semua perkara yang mempengaruhi mereka untuk memastikan bahawa perkhidmatan-perkhidmatan dan usaha-usaha mematuhi CRC, dan keputusan yang dibuat menekan kepada keperluan kanak-kanak dengan cara yang sesuai, dan dengan ketersediaan, akses dan kualiti semua kumpulan kanak-kanak dijamin.
3. Mewujudkan pengurusan kes dan sistem dokumentasi dalaman untuk memantau dan mendokumentasikan hak-hak kanak-kanak di kalangan masyarakat dengan secara berkesan, termasuk sebarang pelanggaran hak kanak-kanak.
4. Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan agensi-agensi bukan kerajaan antarabangsa dan mengambil tindakan yang kukuh untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman terhadap penderaan kanak-kanak di kalangan masyarakat dan menukar sikap budaya dengan mengurangkan stigma dan rasa malu yang dilampirkan bersama apabila melaporkan kes-kes penderaan. Tindakan-tindakan kukuh ini harus termasuk program untuk membangkitkan pengetahuan am terhadap penderaan, pengabaian, penganiayaan dan eksploitasi terutama terhadap kanak-kanak termasuk kumpulan kanak-kanak terpinggir – untuk memastikan bahawa mereka dapat mengenal pasti keadaan-keadaan yang berpotensi merbahaya. Menyebarkan secara luas maklumat-maklumat tentang tatacara membuat laporan, menyiasat dan mendakwa kes-kes penderaan, kepada ibu-bapa, guru-guru dan ahli-ahli masyarakat yang lain.
5. Mempertimbangkan memasukkan ke dalam kerja organisasi, kumpulan kanak-kanak berikut yang mempunyai sedikit akses kepada penjagaan dan perkhidmatan: kanak-kanak jalanan, kanak-kanak yang hidup dengan atau dijejaskan oleh HIV/AIDS, kanak-kanak migran tanpa dokumentasi, dan kanak-kanak miskin di bandar dan luar bandar. Meningkatkan pengetahuan and pemahaman terhadap kumpulan kanak-kanak ini.

D. Cadangan Utama kepada Masyarakat Awam Malaysia

1. Berusaha untuk mengeluarkan semua stigma dan/atau tindak-tanduk dan amalan berdiskriminasi terhadap kumpulan kanak-kanak berikut: pelarian dan kanak-kanak pencari suaka, kanak-kanak LGBTIQ, kanak-kanak migran tanpa dokumentasi, kanak-kanak tanpa dokumentasi, kanak-kanak yang mengalami masalah kesihatan mental dan kanak-kanak yang dijangkit atau dijejaskan oleh HIV/AIDS – dengan berkomunikasi dengan kanak-kanak tersebut, dan bekerja secara sukarela di organisasi bukan kerajaan yang bekerja bersama kanak-kanak tersebut. Ingat bahawa mereka adalah kanak-kanak terlebih dahulu.
2. Memandangkan hukuman koperal membawa kesan kerosakan jangka panjang yang mempengaruhi kanak-kanak, terus memberhentikan melakukan hukuman koperal ke atas kanak-kanak di rumah dan berusaha untuk belajar tentang dan menggunakan cara-cara disiplin yang lebih positif.
3. Melaporkan mana-mana kes penderaan atau pengabaian kanak-kanak yang disyaki dengan memanggil Talian 15999 atau memaklumkan kepada agensi penguatkuasaan. Mengkaji sistem kepercayaan peribadi berkenaan melaporkan kes-kes penderaan dan memastikan bahawa keselamatan dan kepentingan kanak-kanak tersebut selalunya dipentingkan. Berusaha untuk mengeluarkan semua stigma dan rasa malu terhadap penderaan kanak-kanak di dalam komuniti.
4. Sebagai ibu bapa dan guru-guru, memastikan bahawa kanak-kanak atau pelajar-pelajar mempunyai akses kepada maklumat kesihatan seksual dan reproduktif yang betul dan yang menekankan isu-isu seperti peningkatan HIV/AIDS, penyakit kelamin, kehamilan remaja dan pembuangan bayi yang baru dilahirkan.

Sumber yang Dirujuk

- ¹Malaysian Government, *National Report Submitted in Accordance with Paragraph 15(A) of the Annex to Human Rights Council Resolution 5/1*, para 21, 19 November 2008, A/HRC/WG.6/4/MYS/1/Rev.1
- ²*Workshop on Inter-agency Collaboration for Child Protection facilitated by Mrs Lai Poh Guat*, 3rd National Violence Against Children Conference, 9-10 June 2012
- ³See for example, Teoh E.S., *LGBT 'Not Protected by Federal Constitution'*, Free Malaysia Today, 19 June 2012.
- ⁴Section 10 of the Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976 sets the minimum legal age of marriage at 18 for non-Muslims; however girls are able to marry at the age of 16 if the solemnization of the marriage is authorized by license granted by the Chief Minister. For Muslims, section 8 of the Islamic Family Law (Federal Territories) Act 1984 sets the minimum legal age of marriage at 18 for men and 16 for women, however both girls and boys can marry at a younger age if permission is granted by a Syariah Judge.
- ⁵Section 97(2) and (3) of the Child Act provide that if a child commits an offence for which the death penalty would normally apply, the child must be detained at the "pleasure of the Yang di-Pertuan Agong, the Ruler or the Yang di-pertuan Negeri", until such time that the Board of Visitors for that prison recommends that the child be released.
- ⁶Mohamed, N., Wong, S.V., Hizal H.H., and Ilhamah, O., Research Report: *An Overview of Road Traffic Injuries among Children in Malaysia and its Implication on Road Traffic Injury Prevention Strategy*, MMR 03/2011, Malaysian Institute of Road Safety Research, 2011, p. 18.
- ⁷Sharon Linus Lojikip, Amar-Singh HSS, Pui-San Tan, Lina Hashim, *A Review of the Child Road Safety Efforts in Malaysia*. Clinical Research Center Perak 2012. Note in this research, children were defined as being under 19 years of age.
- ⁸Amar-Singh HSS, Pui-San Tan, Lina Hashim, *OP 1: Prevention of Childhood Drowning in Malaysia*, MJPC 2011(Dec); Vol. 17; Supplementary 2
- ⁹*CEDAW & Malaysia by the Malaysian NGO CEDAW Alternative Report Group*, 2012, p.136; Universiti Kebangsaan Malaysia, *Problem of Abandoned Babies*, UKM News Portal, 9 June 2012. Retrieved from: <http://www.ukm.edu.my/news/index.php/en/research-news/345.html>
- ¹⁰*All Government Hospitals May Soon Function as Baby Hatches*, The Star, 6 July 2012.
- ¹¹*Bin' & 'Binti' RUSE to force Islam on Bumiputra Christians in Sabah & Sarawak*, The Malaysia Chronicle, November 2012. Retrieved from: http://www.malaysia-chronicle.com/index.php?option=com_k2&view=item&id=43355:bin-binti-ruse-to-force-islam-upon-bumiputra-christians-in-sabah-swak?&Itemid=2
- ¹²*NGO Focus Group Discussions on the National Plan of Action for Children and National Plan of Action for Child Protection*, Kuala Lumpur and Penang, April-June 2012
- ¹³In Sabah, adoption is governed by the Adoption Ordinance 1960 and in Sarawak, Adoption Ordinance Cap 91 is applied. The status of children adopted under the Adoption Act 1952, the Sabah Adoption Ordinance 1960 and the Sarawak Adoption Ordinance Cap. 91 are essentially similar.
- ¹⁴*Many Child Abuse Cases go Unreported*, The News Straits Times, July 2012. Retrieved from: <http://www.nst.com.my>
- ¹⁵*Nur Alert Used in Only 5 Cases*, New Straits Times. March 2012. Retrieved from: <http://www.nst.com.my/nur-alert-used-in-only-5-cases-1.62183>
- ¹⁶*Tracing Missing Children through NUR Alert*, Malaysian Digest, February 2011. Retrieved from: <http://www.malaysiandigest.com/features/16903-tracing-missing-children-through-nur-alert.html>
- ¹⁷*Making it Safe for Our Children*, The Sun, 5 February 2012. Retrieved from: <http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2012/2/5/nation/10680439&sec=nation>
- ¹⁸*NGO Focus Group Discussions on the National Plan of Action for Children and National Plan of Action for Child Protection*, Kuala Lumpur and Penang, April-June 2012
- ¹⁹*Far-Reaching S.O.S. Line*, The Malay Mail, June 2011. Retrieved from: <http://www.mmail.com.my/content/74475-farreaching-sos-line>
- ²⁰*Far-Reaching S.O.S. Line*, The Malay Mail, June 2011. Retrieved from: <http://www.mmail.com.my/content/74475-farreaching-sos-line>
- ²¹*More Manpower, Better Training Needed at Talian Nur*, The Malay Mail, June 2011. Retrieved from: <http://www.mmail.com.my/content/74626-more-manpower-better-training-needed-talian-nur>
- ²²*Qualitative Research on the Prevalence and Impact of Corporal Punishment in Primary and Secondary National and National-Type Schools*, Draft as of August 2010, from ongoing UNICEF project research program on corporal punishment, supported by HELP University College
- ²³*977 Victims Of Human Trafficking Rescued From 2008 Till Now*, New Straits Times, 29 March 2012. Retrieved from <http://www.nst.com.my/latest/977-human-trafficking-victims-rescued-from-2008-1.67947>
- ²⁴Tier 2 Watch List Placement: Countries whose governments do not fully comply with the minimum standards of the Trafficking Victims Protection Acts, but are making significant efforts to bring themselves into compliance with those standards AND where (a) the absolute number of victims of severe forms of trafficking is very significant or is significantly increasing; (b) there is a failure to provide evidence of increasing efforts to combat severe forms of trafficking in persons from the previous year; or (c) the determination that a country is making significant efforts to bring itself into compliance with minimum standards was based on commitments by the country to take additional future steps over the next year. For more information, see United States Department of State, *Trafficking in Persons Report*, June 2012.
- ²⁵SUHAKAM, *Report on Penan in UluBelaga: Right to Land and Socio-Economic Development*, 2007. Retrieved from http://www.suhakam.org.my/conf_forum_wshop_report
- ²⁶Malaysian AIDS Council (MAC), *Annual 2011 Report*, May 2011. Retrieved from http://www.mac.org.my/v3/wp-content/uploads/2011/06/AnnualReport_2012.pdf ²⁷Malaysian Care (unpublished), *Survey of HIV/AIDS Services & Treatment in the Klang Valley*, 2009
- ²⁸World Health Organization, *Mental Health Atlas 2011*. Retrieved from: <http://www.who.int>
- ²⁹*A Crying Need for Counsellors*, The News Straits Times, 4 November 2009.
- ³⁰Childline Malaysia, *Child Helpline International Data Questionnaire*, February 2012
- ³¹Ang, K. T., *Current Perspectives in Mental Health*, Third Asia Pacific Conference on Public Health, November 2011

- ³²Institute for Public Health (IPH), *The Third National Health and Morbidity Survey (NHMS-III) 2006, Infant Feeding*, Ministry of Health, Malaysia, 2008.
- ³³UNICEF, *The State of the World's Children 2009: Maternal and Newborn Health*, p.59. Retrieved from <http://www.unicef.org/protection/SOWC09-FullReport-EN.pdf>
- ³⁴COMANGO, *Statement Prepared for the 4th Session of UPR*, February 2009, p. 7
- ³⁵*Kids Without Birth Certs just need JKM Referral, says Shahrizat*, The Star, 15 May 2009. Retrieved from <http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2009/5/15/nation/3909589&sec=nation>
- ³⁶Palani, T. *Painful, Costly Lesson for Working Mother*, Free Malaysia Today, 3 July 2012. Retrieved from <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2012/07/03/painful-costly-lesson-for-working-mother/>
- ³⁷United Nations Country Team, Malaysia, *Malaysia: The Millennium Development Goals at 2010*, April 2011. Retrieved from: <http://www.undp.org.my>. It is noted that the UN Country Team has emphasized that dropout rates should be seen as “indicative only, due to the movement of students between schools, between systems across states and between rural and urban areas (p. 36)”
- ³⁸United Nations Country Team, Malaysia, *Malaysia: The Millennium Development Goals at 2010*, April 2011. Retrieved from: <http://www.undp.org.my>
- ³⁹United States Department of State, *2010 Country Reports on Human Rights Practices – Malaysia*.
- ⁴⁰Jabatan Kebajikan Masyarakat, *Number of Newly Registered Cases Disaggregated by Age, Type of Disability and Gender*, 2011, Statistics report: Chapter 10 - Registration of Persons with disabilities, June 2012. Retrieved from: http://www.jkm.gov.my/index.php?option=com_jdownloads&Itemid=314&task=viewcategory&catid=41&site=2&start=10&lang=ms
- ⁴¹Pusat Maklumat Setempat Pendidikan Khas (One Stop Information Center for Special Education), *Program Pendidikan Khas Integrasi (Special Education Integrated Program)*, Retrieved from http://pmspk.moe.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=104%3Aprogram-pendidikan-khas-integrasi&catid=59%3Apendidikan&Itemid=97&lang=bm&showall=1
- ⁴²Ibrahim, H., Special Education, *Inclusive Practices and the Teaching of Sciences and Mathematics to Children with Special Needs*, Paper presented at the Second International Conference on Science and Mathematics Education, SEAMEO RECSAM, Penang, Malaysia, 13-15 November 2007, p.2. Retrieved from <http://www.recsam.edu.my/cosmed/cosmed07/AbstractsFullPapers2007/keynotes%20&%20plenary%5CPL001F.pdf>
- ⁴³Lee, L.W., *Different Strategies for Embracing Inclusive Education: A Snap Shot of Individual Cases from Three Countries*, International Journal of Special Education, 25(3), 2010, p. 106-107
- ⁴⁴Malaysian Care, *Survey on Equal Access to Education for Children with Special Needs and Early Detection and Intervention* (unpublished), 2012
- ⁴⁵Malaysian Care, *Survey on Equal Access to Education for Children with Special Needs and Early Detection and Intervention* (unpublished), 2012
- ⁴⁶UNHCR Malaysia, *Figures at a Glance*. Retrieved from http://www.unhcr.org/my/About_Us_-@-Figures_At_A_Glance.aspx
- ⁴⁷Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Response to Parliamentary Question raised by Datuk Dr. Marcus Mojigoh in the Fourth Term, Third Meeting of the Twelfth Parliament, Bil.35, 5 October 2011
- ⁴⁸Annur, A., *62,126 Children, Teens Registered under 6P Programme*, The Sun, 13 September 2011. The 6P program was a program under which irregular migrants were required to register with the government to 'regularize' their status. Under the biometric registration process conducted in 2011, irregular migrants were registered using a biometric system in which their fingerprints were taken and personal information stored in a National Enforcement Registration System (NERS).
- ⁴⁹Interview with Malaysian Welfare and Social Association (PERBAK), 12 October 2010.
- ⁵⁰Ramalo, N., *Stateless- Undocumented Indians, SUHAKAM: After 10 Years: A Review of Human Rights in Malaysia*. 2011, p. 60. Retrieved from http://www.eraconsumer.org/eraconsumer/index.php?option=com_phocadownload&view=category&id=1:p&Itemid=67
- ⁵¹United Nations Country Team, Malaysia, *Malaysia: The Millennium Development Goals at 2010*, April 2011. Retrieved from: <http://www.undp.org.my>
- ⁵²United Nations Country Team, Malaysia, *Malaysia: The Millennium Development Goals at 2010*, April 2011. Retrieved from: <http://www.undp.org.my>
- ⁵³See for example, SUHAKAM, *Report on Access to Education in Malaysia*, n.d. Retrieved from www.suhakam.org.my
- ⁵⁴SUHAKAM, *Report on Human Rights and Access to Equitable Healthcare*, 2011, p. 21-33,
- ⁵⁵NGO representatives from Kuala Lumpur, Penang, Kota Kinabalu, and Sarawak, *Second NGO Consultations on the CRC Alternative Report*, November 2012
- ⁵⁶SUHAKAM, *Annual Report 2011*, p. 26. Retrieved from http://www.suhakam.org.my/annual_report; SUHAKAM, *Annual Report 2010*, p. 25. Retrieved from http://www.suhakam.org.my/annual_report; Interviews with indigenous community representatives in Sarawak, November 2012.
- ⁵⁷Noor, M.A., *Advancing The Orang Asli through Malaysia's Clusters of Excellence Policy*, Journal of International and Comparative Education 1(2), 2012
- ⁵⁸Al-Mekhlaf, M.S., et al, *Current Prevalence and Predictors of Protein-Energy Malnutrition among Schoolchildren in Rural Peninsular Malaysia*, Southeast Asian Journal on Tropical Medicine and Public Health 39 (5), September 2008.
- ⁵⁹Amar Singh-HSS., *Mortality, Morbidity & Malnutrition in Orang Asli Children*, Updated August 2008
- ⁶⁰Noor, M.A., *Advancing The Orang Asli Through Malaysia's Clusters Of Excellence Policy*, Journal of International and Comparative Education, 1(2), 2012
- ⁶¹*Pelajar lelaki lembut: Program untuk Tingkat Keyakinan Pelajar*, Utusan Online, 24th April 2011. Retrieved from http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0424&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_16.htm
- ⁶²Translated excerpt from *Buku Peraturan Disiplin: Sekolah Menengah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Disciplinary Rule Book: Secondary School, Federal Territory of Kuala Lumpur)*, Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Department of Education), 2008, p.74
- ⁶³Ahmad, N and Kiprawi, H. *A Critical Study on the Pre-trial Process in the Juvenile Justice System in Malaysia Under the Child Act 2001*, Jawatan Ankuasa Pembaharuan Undang-Undang Malaysia, Jabatan Perdana Menteri and Research Management Institute (RMI), Universiti Teknologi Mara. January 2012

